

17-809

**Pusat Khidmat Peneroka,  
Dewan Pemuda PAS Johor**

***FELDA  
KORPORAT  
PENEROKA  
MELARAT***

*Diterbitkan oleh:*

*Lujnah Pertanian, Peneroka dan Nelayan  
Dewan Pemuda PAS Pusat*

Cetakan Pertama.....Sept,1994

# **FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT**

© Hakcipta  
Mohd. Amin Sairan & Mazlan Aliman

Hakcipta terpelihara, Tidak di benarkan mengeluarkan ulang cetak pada mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain cara sebelum mendapat izin daripada penerbit dan penulis.

**Penerbit:**

Lujnah Pertanian , Pencroka dan Nelayan ,  
Dewan Pemuda Pas Pusat  
Kuala Lumpur.

**Atur Huruf / Hiasan Kulit:**  
MASDINO GRAPHIC

**Pengedar:**

Pusat Khidmat Penoroka  
No. 85-C, Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat  
Johor Darul Ta'zim

Dicetak oleh  
CETAK KHIDMAT & NIAGA  
101, Jalan Segambut Selatan,  
Kuala Lumpur

## KANDUNGAN

Lintasan rasa sidang penulis	
1 Sejarah Dan Matlamat Penubuhan Felda	1
2 Felda Hari Ini	6
3 Felda Perancangan Dan Realiti	11
4 Mengapa Peneroka Bencikan Felda Dan Kerajaan	18
5 Bagaimana Felda Melayani Peneroka	23
6 Akta Penempatan Beramai-ramai 1960 Dan Implikasinya	29
7 Pindaan Akta Felda 1956 Dan Implikasinya	36
8 Felda Bertukar Menjadi Badan Korporat	43
9 Jadual Tetap Bayaran Kembali Rancangan Kelapa Sawit	50
10 Potongan Yang Dikenakan Felda	56
11 Perbezaan Harga Buah Sawit & Getah Felda Dengan Swasta	61
12 Mengapa Peneroka Enggan Menyerahkan Kerja-Kerja Tanam Semula Kepada Felda Dan Agensinya	68
13 Pekerja Ladang Dan Peneroka Felda Satu Perbandingan	76
14 Peranan Badan-Badan Felda Perlu Dikaji Semula	82
15 Siapa Hutang Budi: Peneroka Atau Felda	91
16 Generasi Kedua Felda Diabaikan	97
17 Masalah Sosial Di Rancangan Felda	105
18 Dasar Felda Yang Tidak Islamik dan Demokratik	112
19 Felda: Benteng Umno Yang Kian Luntur	118
20 Impian Dan Harapan Peneroka	125
Sumber Minda	131

## LINTASAN RASA SIDANG PENULIS

---

**DENGAN** lafaz BISMILLAH dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT buku kerdil telah dapat disiapkan meskipun dalam keadaan serba kekurangan.

Buku '**FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT**' ini bukanlah semata-mata untuk mendedahkan segala salah laku badan berkanun kerajaan. Tetapi sebagai penyambung lidah hasrat peneroka yang selama ini ditidakkan hak keringat mereka.

Buku ini cuba untuk mengupaskan peranan Felda dalam membangunkan kawasan-kawasan penempatan peneroka dan juga kegagalan Felda untuk menuruti segala matlamat dan dasar yang digariskan di awal-awal penubuhannya.

Kegagalan Felda untuk menepati matlamat dan peranannya yang sebenar telah menyebabkan berbagai-bagai masalah yang menjadikan peneroka Felda hidup dalam keadaan serba tertekan dan terhimpit.

Tindakan Felda melabelkan peneroka sebagai golongan yang tidak tahu mengenang budi semata-mata untuk menutupi kelemahan Felda. Segala permasalahan yang di kalangan masyarakat lebih banyak ditudingkan ke arah peneroka. Kerajaan dan Felda jarang mengakui kesilapan dan kelemahan mereka.

Perubahan polisi negara ke arah sebuah negara industri mengeruhkan lagi kehidupan peneroka. Kebajikan mereka terus

terabai kerana kerajaan banyak menumpukan pandangan ke arah pembangunan sektor industri.

Sebenarnya sumbangan dan jasa peneroka dalam membangunkan negara terlalu besar. Namun mereka umpama warganegara yang terbiar. Tiada pembelaan yang wajar diberikan kepada mereka.

Rintihan peneroka kedengaran di sana-sini. Kerajaan sentiasa cuba menutupinya dengan manipulasi media yang banyak menonjolkan kebaikan Felda. Namun rintihan 119,293 peneroka terlalu nyaring hingga melewati cuping msayarakat umum.

Peneroka hanya mahukan hak mereka, mereka tidak meminta lebih dari setakat yang menjadi hak mereka. Budi kerajaan telah mereka balas. Sekarang mereka sekadar menanti kerajaan mengkotakan janjinya dan melepaskan mereka dari belenggu hutang.

Adalah diharapkan buku kerdil ini dapat memberikan sedikit gambaran mengapa peneroka terus mengeluh dan mengeluh.

**SELAMAT MEMBACA.**

**Mohd Amin Sairan & Mazlan Aliman**

**Batu Pahat, Johor.**

**September, 1994.**

# ***SEJARAH DAN MATLAMAT PENUBUHAN FELDA***

**LEMBAGA** Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) atau Federal Land Development Authority (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 sebagai Badan Berkanun di bawah Fasal 3 Ordinan Pembangunan Tanah 1956 berdasarkan cadangan yang dibuat oleh 'working party's' yang dibentuk oleh kerajaan Persekutuan yang memerintah pada waktu itu.

Selepas pembentukannya dipersetujui dan diluluskan, badan berkanun tersebut telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 8 Ogos, 1956 di Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur. Konklusi utama mesyuarat bersejarah itu ialah "...there is plenty of good land, and there are plenty of good people to develop it.

The Authority should promote projects which bring the best

## 'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELABAT'

of each together to produce the maximum wealth for Malaya's future."

Terjemahannya: ... terdapat banyak tanah subur dan rakyat yang berpotensi untuk membangunkannya. Pihak Lembaga perlu memajukan berbagai-bagai projek yang untuk kepentingan maksima untuk menghasilkan kesenangan maksima untuk masa depan Malaya.

Penubuhan Felda ini banyak dipelopori oleh Bapa Pembangunan Malaysia Allahyarham Tun Abd Razak Hussein yang mengambil contoh dari beberapa negara sosialis. Antaranya Rancangan 5 Tahun Russia yang mempraktikkan sistem 'commune' dan penempatan peneroka di kebun-kebun Kibutz di Israel. Hasilnya Felda mempunyai 'socialist -orientated' dari segi konsepnya.

Secara dasarnya penubuhan Felda banyak didorong oleh enam faktor utama yang membabitkan:

- a. **MASALAH** 'kelaparan' tanah di kalangan penduduk desa, pemilikan tanah tidak ekonomik dan pecahan serta kedudukan tanah milik penduduk yang berjauhan.
- b. **KEMISKINAN** di kalangan penduduk luar bandar. Pada awal 60-an, purata pendapatan bulanan penduduk terbabit hanya di antara RM40 hingga RM60. Kemiskinan ini disebabkan ketiadaan modal asas ekonomi, termasuk tanah dan kemudahan asas.
- c. **SIKAP** dan sistem nilai masyarakat Melayu yang

## 'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELARAT'

menghalang kemajuan termasuk boros dan percaya kepada nasib, rendah diri, bersikap Pak Turut dan tidak mementingkan pekerjaan yang kebanyakannya berpunca daripada taraf pendidikan rendah.

- d. **KESESAKAN** penduduk di luar bandar disebabkan kadar pertambahan penduduk yang pesat telah menyebabkan tekanan permintaan terhadap tanah.
- e. **PENGANGGURAN** di kalangan masyarakat luar bandar yang lebih serius berbanding di bandar. Masalah ini ada kaitannya dengan masalah saiz tanah yang tidak ekonomik.
- f. **TARAF** penduduk luar bandar yang rendah disebabkan kekurangan kemudahan fizikal dan sosial.

Berasaskan faktor-faktor tersebut kerajaan telah menggariskan beberapa matlamat yang perlu dicapai dari penubuhan Felda:-

- a) **MEMBUKA** dan memajukan tanah untuk dijadikan kawasan perladangan dan penempatan.
- b) **MENEMPATKAN** rakyat yang tidak bertanah dengan tujuan meningkatkan taraf hidup mereka.
- c) **MELAKSANAKAN** pembangunan secara bersepadu dengan mengadakan kemudahan awam dan khidmat untuk meninggikan taraf ekonomi dan masyarakat peneroka.
- d) **MENJALANKAN** kegiatan sosial dan kerohanian bertujuan memberikan keluarga peneroka galakan untuk menjadi rakyat yang berdisiplin dan bertanggungjawab.
- e) **MENGADAKAN** kemudahan pemerosesan, pemasaran, pengangkutan dan lain-lain aktiviti yang boleh memberi pulangan yang optimum kepada peneroka.



## 'FELDA KORPORAT ,PENEBOKA MELARAT'


Ringkasnya matlamat utama pengwujudan FELDA ialah untuk melaksanakan projek pembangunan tanah dan penempatan dengan tujuan untuk melahirkan masyarakat petani yang makmur dan bahagia.

Rakyat miskin yang tidak bertanah dijanjikan dengan kehidupan yang lebih baik dan selesa menerusi aktiviti pembangunan tanah dan pemilikan tanah yang dijanjikan kepada mereka, FELDA diberi kuasa untuk melaksanakan dan mengawal projek-projek pembangunan tanah menerusi Group Settlement Act 1960 (GSA 1960).

Penubuhan Felda juga membawa matlamat mengekalkan ketuanan Melayu di negara ini melalui penguasaan terhadap tanah. Sementelahan juga menjaga kepentingan orang-orang Melayu sendiri yang kebanyakannya hidup secara tradisi dan dianggap miskin. Justeru itu 95 peratus peneroka yang diterima untuk menduduki rancangan adalah orang-orang Melayu.

Dasar tersebut berterusan hingga ke hari ini dan orang Melayu terus menguasai Felda. Tetapi penguasaan mereka terhadap tanah banyak tertakluk kepada Akta GSA 1960. Jaminan penguasaan mereka tidak dapat diperjelaskan kerana peruntukan yang terdapat di dalam akta tersebut.

**'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELARAT'**



*Penempatan kediaman peneroka Felda. Begitu teratur dan rapi. Namun siapa tahu rintihan dan tangisan penghuninya*

## ***FELDA HARI INI.***

**SETELAH 38 tahun, FELDA kini cukup dewasa, cukup 'establish' dan cukup menguntungkan kerajaan. Dewasa ini Felda mempunyai lebih 119,293 orang peneroka di 323 rancangan yang membabitkan keluasan tanah lebih 837,843 hektar. Kawasan ladang yang dibangunkan seluas 820,312 hektar membabitkan 585,276 hektar ladang kelapa sawit dan 187,370 hektar ladang getah dan selebihnya ladang koko, tebu dan kopi.**

**Seramai 45,804 peneroka (37.8 peratus) ditempatkan di negeri Pahang manakala bakinya Johor (29,482); Negeri Sembilan (17,732); Terengganu (8,080); Perak (6,211); Kelantan (3,412); Kedah (4,245) Selangor (2,600); Melaka (1,328); Sabah (1,113) dan Perlis (893).**

**Felda muncul sebagai agen pembangunan tanah yang**

terbesar bukan sahaja di negara ini malahan juga di dunia.

Sehingga ini sektor ladang Felda yang membabitkan pengeluaran hasil ladang memberi sumbangan besar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) komoditi utama negara. Sehingga 1990, 470,031 hektar ladang sawit, 140,518 hektar ladang getah, 11,071 hektar ladang koko dan 4,221 hektar ladang tebu sudah mengeluarkan hasil. Pada tahun itu juga pengeluaran hasil ladang Felda bernilai RM1,200 juta, angka pulangan yang amat menguntungkan berbanding pelaburan modal purata hanya kira-kira RM200 juta setahun.

Felda mencipta nama yang cukup megah. Felde juga telah menempa era korporat. Sebanyak 13 buah perbadanan telah ditubuhkan dan sebanyak lapan syarikat usahasama juga dikuasai oleh Felde yang menyediakan pelbagai perkhidmatan hiliran untuk meningkat nilai tambah hasil keluaran Felde.

Perbadanan yang ditubuhkan membabitkan Perbadanan Niaga Felde (PNF) yang mengendalikan rangkaian 277 kedai runcit di rancangan, Perbadanan Pemasaran Felde (Pemasaran sawit dan koko), Perbadanan Pengendalian Susu Getah (Kemudahan eksport susu getah pekat), dan Perbadanan Angkut Felde (Perkhidmatan Pengangkutan).

Perbadanan lain ialah Perbadanan Kilang Felde, Perbadanan Keselamatan Felde, Perbadanan Khidmat Pertanian Felde, Perbadanan Bina Felde, Perbadanan Getah Felde, Perbadanan

Tapis Felda, Perbadanan Isi Sawit Felda, Perkhidmatan Prodata dan Perbadanan Korporat.

Kumpulan perbadanan Felda mempunyai modal berbayar RM249.7 juta. Pada tahun 1990 perbadanan tersebut mencatat perolehan RM2,700 juta dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM94.4 juta.

Syarikat Usahasama yang sedang beroperasi pula adalah Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd, Felda Johor-Bulkers Sdn Bhd, Felda Oil Product Sdn Bhd, FYM Sdn Bhd, Malaysia Cocoa Manufacturing Sdn Bhd, Laporte Sdn Bhd, Pasir Gudang Grains Terminal Sdn Bhd dan FPG Oleochemicals Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat usahasama tersebut mempunyai modal berbayar RM116.4 juta. Pada tahun 1990 ia mencatat perolehan sebanyak RM670.4 juta dan keuntungan sebelum cukai RM4.6 juta. Saham syarikat berkenaan dikuasai oleh Perbadanan Kilang yang dimodali menerusi pelaburan Koperasi Peneroka Felda (KPF).

Berdasarkan fakta-fakta di atas ternyata perbadanan dan syarikat usahasama senantiasanya mengaut keuntungan jutaan ringgit setahun. Menurut laporan 85% ekuiti anak-anak syarikat Felda dimiliki oleh peneroka. Malangnya ekuiti hanyalah nama sahaja, peneroka tidak pernah menjamah keuntungannya kecuali peneroka yang menjadi ahli KPF,

itu pun pulangnya terlalu kecil.

Dengan limpahan keuntungan yang begitu banyak sepatutnya cerita kesengsaraan hidup tidak kedengaran lagi. Namun apa yang berlaku peneroka terus menghadapi berbagai-bagai kesempitan hidup. Tidak kira mereka telah selesai menjelaskan hutang-piutang atau sebaliknya, kehidupan mereka terus diburu kesengsaraan.

Sebenarnya kesempitan hidup yang dialami oleh para peneroka adalah hasil salahlaku dan penyelewengan dasar dan matlamat Felde. Cita-cita untuk menjadikan Felde sebagai sebuah badan korporat telah mengheret peneroka menjadi 'hamba' kepada cita-cita rakus kerajaan dan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Felde.

# Titik tolak peneroka mencapai cita-cita

Oleh ZAMZAM OMAR

KUALA LUMPUR, 118 180 peneroka di seluruh negara menyambut Hari Peneroka Kebangsaan Ke-33, la itu hari pengiktirafan dan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sekali lagi Hari Peneroka akan diraikan secara besar-besaran dan kali ini kira-kira 25,000 keluarga peneroka berkumpul di Gunung Felde Serbing Jempol, Negeri Sembilan. Tetamu istimewa mereka tidak lain daripada Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Timbalan Perdana Menteri, Kadir Ghafor Baba.

Seperti biasa, setiap kali sambutan, jasa dan sumbangan peneroka akan menjadi perhatian rakyat dan ini dibuat menerusi penganugerahan pelbagai kategori hadiah, seperti Jawatan-Khasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Terbaik, Peneroka dan Penerokawati Terbaik, Peneroka Ladang Terbaik, Peneroka Rumah Terbaik serta Penerokawati Berdaya Usaha.

Tetapi kemeriahan kita bersama kira-kira 800,000 keluarga peneroka merayakan Hari Peneroka, sebenarnya kita merestui sejenak bahawa sesungguhnya agensi kerajaan yang bernama Felde dan penerokanya sudah berusia 35 tahun.

Tiga puluh lima tahun, usia seorang manusia dewasa dan yang pasti kalau mengikut proses biasa, pada usia itu tentunya sudah ada kemajuan dan kejayaan yang dicapai.

Apabila kerajaan mewujudkan Felde pada 1 Julai 1956 mengikut Ordinan Kemajuan Tanah 1954, ia menggariskan dua objektif utama.

● Memajukan tanah baru untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif, mewujudkan pengurusan pertanian yang berkesan di kalangan peneroka, pengeluaran hasil maksimum dan bermutu tinggi serta pengeluaran yang kosnya terkawal dan

● Menggalakkan pertumbuhan masyarakat maju dan berteknologi yang mampu meningkatkan taraf hidup lebih sempurna atau dengan kata lain mengeluarkan masyarakat kampung tradisional daripada gerle kemiskinan.

Suapa pun tidak menafikan bahawa tanah rancangan Felde adalah satu satunya projek pertanian paling terurus hinggalah Bank Dunia sendiri mengakuinya sebagai rancangan pembangunan tanah terbaik di rantau ini.

Pengiktirafan itu menyebabkan beberapa agensi antarabangsa tidak teragak-agak membuat pinjaman bagi pembangunannya,

dan infrastruktur. Sehingga akhir tahun lalu, baki pinjaman yang belum dibayar balik ialah \$2.7 bilion.

Bekali imbas, memang kita dapat melihat dengan jelas betapa rancangan kerajaan ini berjaya mengubah masyarakat kampung tradisional, khususnya Bumiputera sendiri, daripada belunggu kemiskinan.

Langkah kerajaan menerusi skim ini yang menyediakan empat hektar tanah ladang dan rumah kepada peneroka, sesungguhnya suatu yang amat baik pernah dilakukan bagi membantu golongan miskin.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Encik Mohd Yasin Kamari yang terlibat melihat pembangunan peneroka secara langsung. Berkata seluruh masyarakat peneroka harus menyedari bahawa kedudukan mereka hari ini yang sudah terkeluar daripada golongan miskin mutlak, adalah hasil usaha dan kesungguhan kerajaan.

Manakala, negara pula kini boleh berbangga dengan kejayaan peneroka yang bergerak jauh ke hadapan, yang bukan saja berjaya dalam sektor pertanian, seperti getah dan kelapa sawit, malah lebih membanggakan mereka mampu membuatkan keupayaan memimpin di kalangan masyarakat tanah rancangan.

Apa yang lebih membanggakan ialah kemampuan peneroka jaya teruji yang bukan saja melahirkan golongan peladang jaya tetapi melahirkan generasi kedua yang kini berjaya dalam bidang profesional, kalanya

"Memang menjadi matlamat kerajaan untuk tidak menggalakkan anak peneroka terus menetap di tanah rancangan, sebaliknya bergerak keluar dan kita hanya mahu anak-anak generasi ahli keluarga dibekalkan di rancangan bagi meneruskan warisan generasi pertama.

"Dalam hubungannya ini, peneroka patut bangga dengan imej mereka sebagai kumpulan yang berjaya membaiki taraf hidup dan mempunyai masa depan yang cerah. Ini amat bertentangan dengan dakwaan sesetengah pihak yang memandang ringan kemampuan pengurusan Felde.

"Dengan keyakinan kepada bapakan serta kebajikan pengurusan ladang yang wujud, Felde mampu bersaing dengan negara-negara lain dan ini dapat dibekalkan menerusi kegiatan peneroka yang digemilang dengan pengurusan teknologi tinggi Felde," katanya.

Kalau berdasarkan pendapatan kerja, sememangnya Felde berjaya membaiki kemiskinan di kalangan peneroka dengan pendapatan melebihi \$300 sebulan, di

## Felde dan peneroka sama-sama berfungsi penting dalam membantu mencapai matlamat kerajaan mengisi Wawasan 2020.



ENCIK MOHD YASIN KAMARI  
...peneroka perlu berjinjit-cermat

menerima sebagai usaha murni meningkatkan taraf hidup, khususnya orang Melayu yang dalir.

Bek kata orang, sekali pandang mungkin sukar untuk melihat kecerahan atau lebih tepatnya masalah yang menghautil Felde, khususnya yang berkaitan kehidupan peneroka. Namun, itulah hakikatnya kerana tidak mungkin sebuah organisasi besar seperti Felde yang mempunyai kakitangan lebih 25,000 orang tidak terlepas daripada masalah.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, soal kesempitan hidup di kalangan peneroka bukan perkara baru.

Kalau pada pertengahan 70-an, bagi peneroka sawit, misalnya, tinggal di Felde paling memba hagiakan berikutan kenaikan harga minyak sawit di pasaran dunia dan menjadikan mereka golongan agak mewah untuk beberapa ketika.

Melangnya, kini keadaan jauh berbeda apabila harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit adalah rendah dan sekaligus memberi kesan buruk kepada pendapatan peneroka.

Malah, sejak ketelakangan ini, kerap timbul laporan mengenai

Memang ada benarnya rasional yang diberikan oleh Encik Mohd Yasin bahawa sebagai golongan yang menerima pendapatan melebihi \$300 sebulan, mereka sudah terkeluar daripada gerle kemiskinan mutlak dan untuk itu juga, tidak melayakkan mereka menerima bantuan kerajaan bagi golongan rakyat termiskin.

Jika diteliti, peneroka memang sudah terkeluar daripada lakrif miskin kerana mereka ada tanah dan ladang. Tetapi, hakikat yang tidak dapat disembunyikan ialah bahu sebahagian besar peneroka sekarang, iaitu pendapatan tunai yang terlelu kecil dan tidak mampu menyara hidup sempurna.

Mungkin ada pihak mendakwa mengapa peneroka harus berbu tang untuk makan tetapi hanya itulah satu satunya cara mereka mendapatkan bekalan harian tanpa wang tunai, iaitu menuju ke Kedai Perbadanan Niaga Felde (PNF). Dengan kemudahan kredit maksimum \$300 sebulan, peneroka menyelesaikan masalah mengel perul keluarga.

Bagaimanapun, sekali lagi ma salah timbul hujung bulan apabi la mendapatan ditolak kerana bu

*Peneroka disandarkan dengan harapan yang begitu besar untuk mencapai Wawasan 2020. Sejauhmanakah kerajaan benar-benar priuin terhadap mereka.*

## **FELDA: PERANCANGAN DAN REALITI**

**DIPANDANG** dengan mata kasar Felda merupakan sebuah organisasi yang serba lengkap. Ia mempunyai sumber kewangan yang mencukupi hasil sokongan padu kerajaan Pusat. Felda juga mempunyai segala bentuk elemen sokongan yang mampu menjadikannya sebuah organisasi yang benar-benar mantap.

Disorot dari sudut pentadbiran, Felda mempunyai organisasi pengurusan yang cukup kukuh. Ia dikendalikan oleh sebuah lembaga yang mengandungi seorang Pengerusi dan 12 orang ahli yang dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab terhadap Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dulunya Felda merupakan tanggungjawab Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Bagi memudahkan pentadbiran dan kegiatan, Felda telah



## **'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELABAT'**

membahagikan kepada tiga iaitu Pembangunan Tanah dan Penempatan, Perbadanan-Perbadanan dan Syarikat-Syarikat Usahasama.

Peranan ketiga-tiga bahagian tersebut adalah seperti berikut:-

### **a) PEMBANGUNAN TANAH DAN PENEMPATAN**

Ia diketuai oleh seorang Pengarah Besar dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah Besar yang masing-masing bertanggungjawab dalam aspek Pembangunan dan Khidmat. Peranan kedua-dua jabatan adalah seperti berikut:-

#### **i. Pembangunan**

Jabatan Pembangunan bertanggungjawab bagi semua aspek pelaksanaan pembangunan pertanian dan peneroka. Kawasan pembangunan dibahagikan kepada sembilan zon dan setiap zon diketuai oleh seorang Pengarah Pembangunan.

Setiap Pengarah Pembangunan mengawasi tiga orang Penolong Pengarah Pembangunan manakala setiap Penolong Pengarah Pembangunan akan mengawasi lebih kurang 20 buah rancangan yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 30,350 hektar.

#### **ii. Khidmat**

Fungsi jabatan ini ialah memberikan khidmat sokongan kepada pembangunan dan mengandungi Jabatan-Jabatan Kewangan, Proses, Kejuruteraan, Perancang dan Belanjawan,

Khidmat Urusan, Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka, Perjawatan dan Latihan.

#### **b) PERBADANAN-PERBADANAN**

Perbadanan-perbadanan ditubuhkan menurut Seksyen 43 Ordinan Kemajuan Tanah 1956 sebagai bahan-bahan tunjangan untuk memberikan sokongan dalam pemerosesan, pemasaran, pembekalan, pengangkutan, khidmat pertanian, khidmat keselamatan, pembinaan dan pemerosesan data.

Pada masa ini terdapat 13 Perbadanan yang diuruskan secara komersial. Seorang Pengarah Urusan Kumpulan (Perbadanan) bertanggungjawab ke atas pentadbiran kumpulan. Setiap Perbadanan diketuai oleh seorang Pengurus Besar. Sementara seorang Pengarah Urusan Kumpulan (Perniagaan) bertanggungjawab terus kepada Perbadanan Pemasaran, Perbadanan Perusahaan dan Perbadanan Getah.

#### **c) SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA**

Lapan buah Syarikat Usahasama telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Syarikat-syarikat ini diketuai oleh Pengarah Urusan/ Pengurus Besar masing-masing di bawah pengawasan Pengarah Urusan Kumpulan (Perniagaan).

Organisasi Felda kelihatan kukuh dan membayangkan kehebatan sebuah kumpulan yang mampu memberikan kesenangan kepada sesiapa yang terlibat dengan kumpulan tersebut ataupun menjadi ahli naungan agensi kerajaan tersebut.

## 'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELABAT'

Dihalusi secara dekat kepada peraturan dan susunan kerja di rancangan-rancangan Felda, kita menaruh keyakinan bahawa Felda mampu memberikan sinar baru dalam kehidupan rakyat miskin yang berjaya menjadi peneroka.

Felda mempunyai Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP) sebagai saluran untuk peneroka menyalurkan permasalahan peneroka. Felde mempunyai pusat-pusat latihan untuk memberikan kemahiran vokasional kepada anak-anak peneroka.

Felda mempunyai berbagai-bagai unit yang berfungsi untuk memenuhi seluruh aspek kehidupan peneroka.

Jika diteliti di atas kertas Felde memang yang terbaik. Tidak hairanlah Felde telah berjaya meyakinkan Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Tabung Kuwait dan Tabung Saudi untuk membiayai pembangunannya.

Kesempurnaan ini juga telah meletakkan Felde sebagai sebuah agen pembangunan tanah yang diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia dan telah menarik pengkaji negara asing untuk mencontohi Felde.

Para sarjana dan pengkaji tanah air juga terpesona dengan kehebatan Felde. Ketaksuban mereka dengan fakta-fakta atas kertas telah menyebabkan mereka melontarkan tuduhan bahawa peneroka adalah golongan yang tidak tahu diuntung, tidak

## 'FELDA KORBOPAT ,PENEROKA MELABAT'

mengenang budi dan sebagainya apabila tercetusnya berita peneroka melakukan penentangan terhadap Felda.

Kajian mereka yang banyak dipengaruhi oleh laporan-laporan dan kertaskerja tanpa mendasari masalah sebenar yang melingkari kehidupan peneroka menyebabkan mereka hanya memperolehi fakta sebelah pihak iaitu Felda.

Felda secara praktisnya tidak melaksanakan perancangan atas kertasnya dengan jujur dan berobjektif. Kecenderungan yang berlebihan ke atas faktor keuntungan telah menyebabkan Felda tidak melaksanakan gerakkerja sebagaimana yang sepatutnya.

Felda memang menjadi agen pembangunan tanah tetapi aspek kebajikan terhadap peneroka diabaikan. Felda menekan dan menindas peneroka. Mereka tidak pernah diajak berunding secara adil, sebaliknya hanya menjadi golongan yang mesti menurut segala arahan yang menjurus kepada keuntungan sebelah pihak. Sesekali mereka diajak berunding, tetapi banyak keputusan yang dibuat berdasarkan kata putus yang dimiliki oleh pengurusan Felda.

Peneroka adalah manusia yang mempunyai perasaan. Meskipun mereka tidak berpendidikan tinggi namun mereka masih mampu berfikir. Natiujahnya peneroka memberontak, menentang dan membantah sama ada secara bersendirian ataupun secara kolektif.

## ***MENGAPA PENEROKA BENCIKAN FELDA DAN KERAJAAN?***

CERITA kebencian peneroka Felda kepada Felda dan kerajaan bukan lagi suatu rahsia malah menjadi suatu 'public secret'. Kalau dianalisa pada sejarah lampau, kerajaan amat berharap agar peneroka akan menjadi benteng dan penyokong kerajaan khususnya UMNO kerana lebih 90% daripada peneroka adalah kaum bumiputera.

Tindak-tanduk Felda dan kerajaan sendiri yang memungkirkan janji dan sentiasa membuat janji kosong menyebabkan harapan untuk menjadikan mereka penyokong setia kerajaan punah. Golongan parti pembangkang yang membawakan slogan pembebasan dan pembelaan terhadap mereka telah menambat hati peneroka.

Hampir kesemua rancangan tanah Felda telah berjaya

ditembusi oleh parti pembangkang khususnya PAS dan Parti Melayu (Semangat 46). Kalau tidak mempunyai cawangan pun sekurang-kurangnya mempunyai ahli ataupun penyokong yang komited. Malah ada rancangan yang didominasi oleh pembangkang seperti di Felda Keratong dan Jengka, di Pahang.

Kemelut yang berlaku dalam UMNO telah membuka ruang yang luas kepada peneroka untuk mencari alternatif bagi menyuarakan keluhan mereka. Dan sikap UMNO yang tidak begitu serius dalam menangani masalah peneroka juga menyebabkan peneroka mengalih pandangan kepada pembangkang khususnya PAS yang mengambil inisiatif membela nasib peneroka. Ditambah dengan slogan Islam yang lebih 'convincing' telah menarik minat peneroka.

Punca utama yang membangkitkan kebencian peneroka terhadap Felda dan kerajaan adalah berkisar kepada kehidupan mereka yang sentiasa dihipit oleh masalah hutang.

Para peneroka terpaksa menanggung beban kos hutang pembangunan yang tidak menentu semenjak mereka mula menyertai rancangan sehingga mereka memasuki sistem blok. Ketidaktentuan ini bertambah rumit kerana pihak pentadbiran Felda tidak pernah memberikan penyata kos pembangunan yang sebenarnya.

Lebih malang peneroka yang telah selesai menjelaskan hutang telah dipaksa untuk terus berhutang dengan Felda. Perjanjian baru 'Borang Kuning' diperkenalkan. Mereka yang

enggan akan ditekan dan diugut.

Felda juga telah melewati asas perjanjian antara peneroka dan Felda dalam jangkamasa 15 tahun. Ini berlaku, disebabkan olahan Felda untuk menyerahkan kawasan kepada peneroka. Kadangkala sengaja dilewatkan dengan alasan kawasan tersebut belum mencapai tahap titik pulang modal walaupun umur pokok telah menjangkau 7 tahun dari mula ia ditanam.

Harga pasaran hasil ladang yang tidak menentu juga telah membangkit rasa marah peneroka kepada Felda dan seterusnya kerajaan. Harga yang ditawarkan juga jauh lebih rendah dari pembeli swasta malah peneroka dihadapkan dengan berbagai-bagai kemungkinan potongan terhadap hasil mereka.

Langkah Felda menjadikan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) sebagai badan rujukan peneroka bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peneroka telah melahirkan jiwa kongkongan terhadap peneroka. JKKR merupakan alat yang dijadikan oleh pentadbiran Felda untuk medogmakan propaganda Felda. Harapan untuk melihat JKKR menjadi penyelesaian masalah peneroka hanyalah suatu impian.

Selama peneroka menghadapi berbagai-bagai masalah, ramai tokoh-tokoh politik kerajaan telah menaburkan berbagai-bagai janji kosong terutamanya semasa kempen pilihanraya. Kegagalan pemimpin-pemimpin kerajaan menyelesaikan masalah mereka telah menimbulkan kebosanan dan hilang kepercayaan peneroka terhadap kerajaan.

Kuasa pemilihan pemimpin peneroka di peringkat rancangan mutlak dipunyai oleh pengurusan Felda. Justeru itu Felda hanya akan melantik peneroka yang boleh menjadi alat Felda dan boleh menjadi tali barutnya. Gejala ini telah menyebabkan lahirnya pemimpin— pemimpin yang tidak berkualiti ataupun berkeupayaan. Faktor kesetiaan kepada Felda menjadi ukuran pemilihan bukannya berasaskan faktor kebolehan.

Kasih yang telah hilang peneroka kepada Felda dan kerajaan hanya dapat diraih kembali sekiranya Felda dengan bersungguh-sungguh kembali kepada matlamat asal penubuhannya. Dan Akta GSA 1960 yang menidakkan hak peneroka perlu dipinda segera. Andainya ini berlaku pun ia bakal mengambil masa yang agak panjang kerana luka di hati peneroka terlalu dalam, meskipun lukanya boleh sembuh, parutnya tetap ada.

*"Barangsiapa yang mengkhianati bai'ah, ini sesungguhnya ia mengkhianati dirinya sendiri, akan tetapi barangsiapa yang menunaikan apa yang dijanjikannya kepada Allah, maka ia akan diganjar dengan balasan yang amat besar"*

Al-Fath : 10



# Peneroka dakwa kena tipu

8 Januari 13 Februari 92

HULU SELANGOR. Peneroka Fel-da Soeharto masih belum mendapat geran hakmilik tanah meskipun sudah memba-yar hutang kepada Fel-da.

Sebaliknya, mereka mendakwa dipaksa menandatangani borang khas yang boleh menyebab-kan mereka kehilangan hak ke atas tanah milik berkenaan.

Peneroka, Mohd Zain Bakar, 54, berkata ramai peneroka tidak berpuas hati dengan syarat yang dikenakan ke atas me-reka.

"Saya sudah selesai membayar hutang kepada Fel-da empat tahun lalu dan sehingga kini masih tidak memperolehi geran kerana enggan menanda-tangani borang berke-naan," katanya ketika di-temui di sini.

"Seramai 177 peneroka yang selesai membayar hutang enggan menanda-tangani borang berke-naan kerana bimbang ke-hilangan hak," katanya.

Zain berkata, mereka sudah menemui peguam bagi mendapatkan nasi-hat mengenai perkara itu.

"Seramai tujuh peguam dipanggil untuk mengkaji borang berkenaan dan ak-hirnya kami dinasihatkan jangan menandatangani borang itu," katanya.

Mereka mendakwa, mengikut fasal 21 dalam perjanjian asal, peneroka akan mendapat hakmilik tanah apabila selesai membayar hutang kepada Fel-da.

Mengikut fasal itu, apa-bila semua hutang selesai dibayar, Fel-da akan mengesyorkan kepada keraja-an negeri untuk memberi hakmilik tanah kepada peneroka.

Sementara itu, seorang peneroka, Hashim Nusi, 36, mempertikaikan cara pemilihan jawatan ketua

peneroka dan mendakwa ada sesuatu yang tidak kena dengan cara pemili-han itu.

"Sebelum ini, ketua pe-neroka dipilih melalui pengundian oleh masya-rakat peneroka tetapi kini sistem itu diubah. Fel-da sendiri memilih ketua pe-neroka tanpa persetujuan majoriti masyarakat Fel-da," katanya.

Menurutnya, seorang ketua peneroka dipilih daripada tiga orang ketua blok yang dicalonkan un-tuk jawatan itu dan beliau mendakwa cara itu dibuat un-tuk kepentingan indivi-du.

"Saya mahu cara lama (memilih melalui undian majoriti) dibuat semula dan sistem itu perlu diu-bah kerana ia hanya ber-tujuan memecahbelahkan peneroka," katanya.

Sementara itu, Mohd Sukor Mokhtar, 52, yang menjadi peneroka selama 22 tahun mendakwa tidak tahu potongan yang di-buat ke atas gaji mereka dan tujuan potongan ber-kenaan.

"Saya tidak tahu berapa-harga baja yang sepatut-nya perlu dipotong dan ini menimbulkan keraguan," katanya.

Beliau kesal kerana ke-bajikan peneroka tidak dijaga oleh Fel-da dan mendakwa Fel-da tidak peduli sama ada potongan ke atas gaji itu menjejaskan pendapatan mereka atau tidak.

"Fel-da tidak peduli sama ada peneroka mener-ima gaji atau tidak ke-rana yang pentingnya po-tongan untuk membayar hutang tanah, baja dan lain-lain dibuat," katanya.

Beliau mendakwa, ada peneroka langsung tidak menerima gaji kerana se-muanya dipotong untuk membayar hutang.



BUKTI... Hashim Nusi (kiri) dan Mohd Zain menunjukkan surat perjanjian yang didakwa boleh menyebabkan peneroka hilang hakmilik tanah.

*Fel-da tipu kami*

## ***BAGAIMANA FELDA MELAYANI PENEROKA?***

**KUASA** Felda terhadap peneroka amat luas jika dikaji dalam bentuk asal kemasukan mereka ke tanah rancangan. Kuasa ini diperluaskan lagi apabila Felda memperkenalkan tiga lagi perjanjian setelah peneroka habis menjelaskan segala hutang-hutang pembangunan.

Perjanjian-perjanjian tersebut adalah:-

- a) Perjanjian Peneroka Berkuatkuasa Selepas Hak Milik;
- b) Perjanjian Kawasan Tanam Semula Tanah Sawit Kepada Sawit.
- c) Perjanjian Pindaan Rancangan Sawit Sistem Blok.

Cengkaman Felda yang begitu luas, ditambah dengan cara kakitangan Felda melaksanakan tugas di peringkat rancangan telah mewujudkan suatu suasana yang tidak harmoni

di antara kakitangan dengan peneroka.

Kerap kali kita mendengar berita, peneroka menampar pengurus, mengadakan piket, memukul kakitangan dan sebagainya. Cerita-cerita tindakan ganas peneroka terhadap kakitangan Felda di peringkat rancangan merupakan cerita lama yang masih berterusan hingga ke hari ini.

Di sebalik cerita-cerita tampar-menampar, bertumbuk dan seumpamanya tentu ada punca dan sebabnya. Adakah peneroka memang golongan yang suka bergaduh dan tidak tahu diuntung? Ataupun kakitangan Felda yang kurang berhikmah dalam melaksanakan tugas sehingga membangkitkan kemarahan peneroka?

Ada terdengar berita bahawa ramai di kalangan kakitangan yang mempraktikkan sistem diktator. Cakap mereka mesti didengar. Arahan mereka mesti dipatuhi. Peneroka tidak boleh membantah. Sekiranya peneroka ingkar, tindakan keras akan menanti mereka.

Sebenarnya kakitangan Felda di peringkat rancangan merupakan orang tengah yang menjadi penghubung di antara peneroka dengan pihak atasan Felda. Mereka juga dikenalpasti menghadapi dilema dalam melaksanakan tugas-tugas mereka yang kebanyakan amat tidak demokratik. Periuk nasi yang terpaksa mereka jaga adakalanya mereka lupa persoalan kemanusiaan semasa bertugas. Oleh itu tidak hairanlah kejadian tampar-menampar adakalanya berlaku.

Kaedah kakitangan Felda melayani peneroka berbeza berasaskan faktor sama ada rancangan tersebut telah menjelaskan hutang ataupun sebaliknya.

Bagi tanah rancangan yang belum habis hutang, kakitangan Felda menjalankan tugas dengan lebih keras dan agresif. Sikap mereka lebih ego. Mereka seolah-olah mempunyai kuasa veto dalam menentukan sesuatu perkara.

Kakitangan Felda juga amat jarang kelihatan bergaul dengan peneroka bagi menunjukkan status mereka. Mereka gamaknya seperti raja. Mereka mempunyai kelas yang tersendiri yang mereka rasakan lebih tinggi daripada peneroka.

Berbeza dengan tanah rancangan yang telah selesai menjelaskan hutang. Kesombongan mereka selama ini terpaksa mereka lupakan. Banyak pengurusan pentadbiran ladang dan masalah sosial masyarakat peneroka diuruskan secara langsung oleh peneroka menerusi ketua blok dan penolong ketua blok.

Keegoan kakitangan Felda terpaksa mereka redakan kerana peneroka tidak resah lagi apabila digertak. Hutang piutang telah mereka jelaskan. Secara lumrahnya, tanah telah menjadi milik mereka meskipun geran hak milik belum mereka terima.

Namun begitu Felda mempunyai 'network'nya yang tersendiri untuk memastikan peneroka sentiasa patuh kepada arahan-arahan mereka.

Felda menjadikan golongan yang setia dan sanggup menjadi agen Felda dalam mengembangkan propaganda. Golongan seperti ini wujud di mana-mana dan kebanyakannya sanggup mengkhianati rakan seblok atau serancangan mereka hanya dengan sedikit imbuhan yang diberikan oleh Felda.

Di antara jawatan atau individu yang digunakan oleh Felda untuk mencengkam peneroka adalah:-

- a) Ketua blok;
- b) Ahli Jawatankuasa JKKR;
- c) Gerakan Perkumpulan Wanita (GPW);
- d) Persatuan Belia dan Beliawanis;
- e) Koperasi Rancangan Felda;
- f) Amnya pemimpin-pemimpin dalam apa jua badan yang ditaja oleh Felda.

Kesemua mereka yang tersebut mempunyai kepentingan sendiri sama ada diberikan kontrak kecil-kecilan ataupun elaun bulanan ataupun diberikan kemudahan perniagaan di dalam rancangan.

Kebanyakan mereka yang sanggup menjadi benteng penyelewengan Felda merupakan golongan yang setia dan kurang berwibawa. Ini menyebabkan bersemaraknya salah laku dan penindasan yang keterlaluan.

Badan-badan tersebut berkuasa memotong wang hasil pendapatan peneroka di antara 20 sen hingga RM10.00 sebulan dengan alasan bagi membiayai aktiviti badan-badan

tersebut. Realitinya aktivitiya tidak berjalan serancak mana. Jadi kemanakah kutipan hampir RM1 juta sebulan itu dibelanjakan.

Selain memainkan peranan sebagai medium propaganda Felda, badan-badan dan individu tersebut juga merupakan mata-mata Felda bagi mengawasi setiap geraklaku peneroka.

Bagi yang ingkar dan enggan mematuhi keputusan yang dibuat, mereka dikategorikan sebagai petualang dan tidak akan diberikan pertolongan sekiranya mereka ditimpa musibah. Tekanan yang dihadapi oleh peneroka begitu ketara. Keadaan ini diburukkan lagi dengan wujudnya segelintir petualang yang sanggup menjadi alat Felda untuk menekan rakan sebangsa mereka sendiri.

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu....”

An-Nisaa'-135

# Peneroka jual hasil tanpa izin

B/H 8/4/94.

Oleh Abdul Rahman Mohamad

JOHOR BAHRU, Isnin -- Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (Porla) cawangan Selatan mengenal pasti beberapa peneroka di tanah rancangan Felda di Johor, menjual hasil tanaman mereka kepada syarikat swasta tanpa kebenaran lembaga itu.

Jurucakapnya berkata, penjualan lebih 1,000 tan metrik kelapa sawit sebulan itu membabitkan beberapa syarikat swasta serta beroperasi sejak setahun lalu.

Menurutnya, penyelewengan itu dikesan apabila pihaknya menerima aduan mengenai kegiatan peneroka terbabit di beberapa tanah rancangan Felda, pertengahan tahun lalu.

"Kegiatan itu dipercayai berlaku di beberapa daerah, termasuk Kulai dan Kota Tinggi, meliputi Felda Taib Andak, Felda Bukit Ramun, Felda Bukit Besar, Felda Sungai Sayong dan Felda Pasir

Panjang.

"Kami sedang berusaha mengenal pasti peneroka di tanah rancangan yang dipercayai terbabit dalam kegiatan itu selepas dipengaruhi beberapa pengusaha syarikat swasta.

"Bagaimanapun, Porla perlu menyasat perkara itu kerana tidak mahu mencemarkan imej sesetengah tanah rancangan Felda," katanya.

Menurutnya, difahamkan penyelewengan itu berpunca daripada sikap sebahagian besar peneroka terbabit beranggapan bahawa tanah rancangan itu sudah menjadi milik mereka dan berhak menjual hasil tanaman kepada sesiapa saja.

Katanya, mereka juga dipercayai berbuat demikian untuk mendapatkan wang tunai kerana syarikat swasta sedia membeli secara tunai.

"Selain itu, pelbagai potongan dikenakan oleh Felda mendorong peneroka mencari jalan mudah

dengan menjual sawit mereka kepada syarikat swasta," katanya.

Jurucakap itu berkata, berikutan itu kebanyakan peneroka hanya memiliki baki pendapatan serta menyulitkan mereka, terutama yang mempunyai banyak anak.

Porla difahamkan banyak peneroka enggan menandatangani surat perjanjian seperti dikehendaki oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana tidak mahu menyerahkan pengurusan tanah terbabit kepada Felda.

Beliau berkata, mengikut Peraturan 3, Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit 1979, peneroka tidak dibenarkan menjual hasil sawit mereka kepada pihak lain, kecuali Felda.

Mereka yang didapati bersalah boleh didakwa di mahkamah serta didenda sehingga RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

*Permohonan peneroka yang telah menjelaskan hutang untuk mendapatkan lesen dari PORLA ditolak. Mungkinkah ada pakatan sulit di antara PORLA dan Felda. Peneroka terpaksa mengambil risiko menjual sawit tanpa lesen kerana harga yang ditawarkan oleh Kilang Felda jauh lebih rendah*

## ***AKTA PENEMPATAN BERAMAI-RAMAI 1960 DAN IMPLIKASINYA KEPADA PENEROKA***

FELDA dibangunkan di bawah Group Settlement Act 1960 (GSA) atau Akta Penempatan Beramai-ramai 1960. Akta tersebut pada asasnya digubal untuk menghalang tanah-tanah yang dijadikan rancangan daripada dibahagi-bahagikan, dijual, digadai atau diberikan kepada waris sebagai harta pusaka.

Ramai peneroka yang tidak menyedari hakikat ini. Selama ini mereka beranggapan bahawa Felda adalah tempat yang boleh mereka harapkan untuk mendapat sebidang tanah sebagai tapak kehidupan mereka. Gambaran yang mereka fahami bahawa mereka akan mendapat hak milik setelah habis membayar hutang.

Mereka tidak diberi faham tentang kuasa GSA terhadap



## 'FELDA KORPOBAT ,PENEROKA MELABAT'

tanah yang dijanjikan kepada mereka. Sekiranya peneroka diberi kefahaman tentang kuasa yang tersirat di sebalik GSA sebelum kemasukan mereka ke rancangan ataupun di awal kemasukan mereka ke rancangan, nescaya ramai di kalangan mereka yang menolak tawaran untuk memasuki rancangan Felda.

Rata-rata hanya tahu rahsia kuasa GSA setelah hampir hutang habis dibayar dan persoalan hak milik timbul. Rahsia terbongkar apabila Felda berdolak-dalik dalam pemberian hak milik. Hasil desakan peneroka, memaksa Felda memberitahu kedudukan sebenarnya. Ada yang mengetahuinya melalui mereka yang tinggal di luar rancangan dan arif tentang penghuraian GSA.

Peneroka terperangkap. Mereka sudah belayar terlalu jauh. Keringat mereka sudah terlalu banyak dicurah untuk membangunkan ladang. Untuk mereka tinggalkan hasil keringat adalah suatu yang mustahil. Lantas mereka membuat desakan-desakan berhubung GSA agar mereka memperolehi hak milik . Mereka hanya diberikan janji demi janji. Dan ada di kalangan pembesar mendakwa hak milik yang diberikan kepada mereka boleh dijadikan cagaran di bank sedangkan peruntukan GSA menghalangnya kecuali dengan jaminan Felda.

Janji dan kenyataan berhubung GSA terus berkumandang sedangkan penggubalannya tidak berlaku. GSA terus berkuasa penuh mutlak mengongkong dan menghalang hak peneroka ke atas tanah milik mereka.

## 'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELABAT'

Sekurang-kurangnya terdapat lima implikasi penting yang perlu dihuraikan berhubung akta GSA 1960:-

**Pertama:** Meskipun di bawah Akta GSA 1960 tanah tidak didaftarkan secara langsung kepada Felda namun ia memberi kuasa yang amat luas kepada Felda untuk apa sahaja bentuk organisasi pengeluaran dan cara penggunaan tanah sehinggalah menentukan jenis tanaman yang perlu ditanam. Oleh kerana tanah-tanah dalam rancangan diserahkan di bawah jagaan dan pentadbiran Felda sehinggalah surat hak milik dikeluarkan kepada peneroka maka tanah rancangan Felda dipanggil milikan luar bandar yang akan diberi hak milik (*rural holding in expectation of title*) dan bukan tanah milikan peneroka. Peneroka hanya didaftar sebagai bakal penerima hak milik (*occupiers in expectation of title*) apabila mereka masuki sistem blok .

Tegasnya sebelum menerima surat hak milik peneroka tidak mempunyai sebarang hak ke atas tanah, status mereka tidak ubah sebagai buruh atau pekerja. Hatta jika mereka disingkir mereka tidak boleh menuntut segala bayaran yang telah dikutip oleh Felda seperti Bayaran Kembali (BK), Bayaran Cukai Tahunan (CAC) dan potongan tanam semula.

**Kedua :** Taraf peneroka sebagai penerima hak milik bermakna mereka terpaksa tinggal di rancangan Felda hanya di atas kebenaran Felda dan selama mana mereka mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Felda sebagaimana

## 'FELDA KORBORAT ,PENEROKA MELARAT'

yang diperincikan dalam surat perjanjian yang ditandatangani oleh peneroka semasa memasuki rancangan.

**Ketiga:** Peneroka sebagai bakal penerima hak milik membawa implikasi mereka akan diberikan hak milik apabila syarat-syarat dalam perjanjian peneroka dipatuhi. Syarat utama bagi membolehkan peneroka memiliki tanah yang mereka usahakan ialah pembayaran balik perbelanjaan pembangunan yang berjumlah kira-kira RM 50 ribu.

**Keempat :** Ceraian 15 dan 16, menghindarkan tanah peneroka daripada ditukar menjadi tanah persendirian seperti tanah-tanah di luar rancangan. Ceraian 15 tidak membenarkan tanah digadai atau dipecah-pecahkan atau dibahagi-bahagikan. Ceraian 16 hanya membenarkan keseluruhan milikan tanah tersebut diserahkan kepada seorang penama atau waris sahaja.

**Kelima:** Ceraian 11 (3) dianggap paling penting dan meliputi kesemua peruntukan lalu dalam GSA 1960. Ia Berbunyi:

“Express conditions imposed under, and conditions and obligations implied by virtue of the provisions of, this Act shall run with the land and shall bind the holder there of and shall commence to run from the date of occupation in expectation of title authorised by entry in the register of holdings or from the date alienation, whichever is the earlier”.

Terdapat dua perkara penting yang terkandung dalam ceraian

## 'FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT'

tersebut iaitu:-

i). GSA 1960 menguasai tanah dalam rancangan secara langsung dalam bentuk syarat nyata yang ditulis dalam surat hak milik peneroka dan secara tersirat atau tidak nyata mengikut peruntukan-peruntukan dalam akta itu sendiri.

Ini bermakna peneroka bukan sahaja terikat dengan syarat-syarat nyata berkenaan syarat-syarat seperti pihak berkuasa mentadbir tanah, jenis tanaman dan sebagainya. Malah peneroka juga tertakluk kepada syarat-syarat tidak nyata iaitu segala peruntukan dalam GSA 1960 walaupun ia tidak tertulis dalam surat hak milik. Ini adalah kerana tanah di rancangan Felda telah ditukar kepada taraf istimewa oleh GSA 1960. Dengan itu ia tertakluk secara langsung kepada peraturan-peraturan GSA 1960 secara keseluruhannya dan mutlak.

ii) Peruntukan-peruntukan GSA 1960 akan terus kekal dengan tanah itu sendiri (shall run with the land). Ini membawa natijah bahawa segala peruntukan GSA 1960 akan terus mengikat peneroka dan tanah rancangan sehinggakan tanah itu terus kekal sebagai tanah rancangan dan peneroka terus kekal sebagai peneroka walaupun mereka telah mendapat surat hak milik.

Hanya ceraiian 44 dalam GSA 1960 yang memberikan kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Felda dan

pihak berkuasa negeri mengisytiharkan pembatalan sesebuah rancangan daripada ikatan GSA 1960 tanpa mengira sama ada peneroka sudah mendapat hak milik atau belum.

Intisari GSA 1960 jelas hanya memihak kepada Felda. Sejauhmana kefahaman peneroka terhadap akta yang membelenggu mereka dapat diduga. Istilah-istilah perundangan yang terkandung di dalamnya sukar untuk peneroka memahami dengan Sebenar-benarnya kecuali diperjelaskan oleh mereka yang arif tentang undang-undang.

Setelah peneroka memahami serba sedikit isi kandungan akta tersebut mereka merasakan mereka tertipu. Ada yang merasakan mereka hanyalah penyewa tanah Felda. Mereka mengemukakan masalah mereka. Banyak yang tidak mendapat layanan wajar.

Lantas berlakulah berbagai-bagai bentuk penentangan kerana kemarahan mereka tidak dapat dibendung. Tersiar di dada-dada akhbar tentang kemelut yang dihadapi oleh peneroka Felda. Hingga saat ini tiada tindakan positif yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengubah nasib dan status lebih 119 ribu peneroka di seluruh negara.

# KAWASAN REZAB MELAYU TANAH G.S.A.

(NLC 21A—Pa. 365)

*Kanun Tanah Negara*

**BORANG III**

(Sekyen 177)

(Hakmilik Sementara Bersamaan dengan Hakmilik dalam Pejabat Tanah)

DAPTAH H.S. Mukim **ULU SUNGAI JOHOR** No. H.S. (M) **2543**  
Negeri **JOHOR DARUL TA'ZIM**

## SURATAN HAKMILIK SEMENTARA

JENIS PENGGUNAAN TANAH: ~~Pertanian~~ **BANGUNAN**

Tempat **FELDA PASIR RAJA**

* <del>Gomakan selama-lamanya</del>	No. P.T. 407 :	1691
* Pajak selama tempoh <b>99</b> tahun	Luas Sementara	<b>732 m<sup>2</sup></b>
Habis tempoh pada <b>12-10-2032</b>	Cukai Tahunan S	<b>19.70 20.00</b>

### SYARAT-SYARAT KILAS HAKMILIK SEMENTARA

Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut:

### SYARAT-SYARAT NYATA

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai satu tapak rumah kediaman yang dibina mengikut plan yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa tertentu.

### SEKATAN-SEKATAN KEPENINGGAN

- (i) Tanah yang dikemukakan ini tidak boleh dijual, dipinjam, dipegang atau dipindahmilik dengan apa-apa cara, kecuali dengan cara menggunakan segala surat perjanjian yang bertepatan dengan peraturan-peraturan tanah ini tanpa kebenaran Penguasa Negara.
- (ii) Jika kebenaran di atas ditolak oleh pihak berkuasa, cukai, pajakan atau pindahtanah itu hanya boleh dibuat kepada tidak lebih daripada seorang.
- (iii) Tanah ini tidak boleh dipindah tempatkan.
- (iv) Tanah yang dikemukakan ini tidak boleh dijual, dipinjam, dipinang atau dipindahmilik melainkan kepada individu tanah (baik pribadi) yang berpegang dengan hakmilik... **NO. H.S. (M) 2468, NO. H.S. (M) 2469**

\* Pening sebagai manusia yang sewajarnya

**Surat Hak Milik bermohorkan GSA 1960. Peneroka tidak punya hak mutlak ke atas tanah mereka.**

# ***PINDAAN AKTA FELDA 1956 DAN IMPLIKASINYA***

BARU-BARU ini Parlimen yang dikuasai oleh Barisan Nasional telah meluluskan pindaan Akta Felda 1956. Menurut pindaan tersebut kesemua 13 perbadanan Felda akan ditukar fungsinya menjadi syarikat sendirian berhad. Dengan kata lainnya, perbadanan-perbadanan tersebut diswastakan.

Pindaan tersebut sekaligus mengubah corak organisasi dan peranan Felda itu sendiri. Peneroka yang menjadi sumber tenaga terpenting yang menggerakkan operasi Felda selama ini pasti akan menerima kesan yang amat nyata.

Apakah pindaan tersebut akan membawa suatu sinar baru atau menjerumuskan masa depan peneroka kepada kesengsaraan yang tak berpenghujung ?

**FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT'**

Menerusi pindaan tersebut 13 perbadanan Felda iaitu Perbadanan Niaga Felda, Pemasaran, Pengendalian Susu Getah, Khidmat Pertanian, Angkut, Kilang, Perkhidmatan Keselamatan, Binaan, Perusahaan Penapisan, Getah, Isi Sawit, Khidmat Komputer dan Khidmat Korporat akan dikendalikan secara syarikat-syarikat korporat yang lain dan diniagakan di pasaran terbuka di dalam mahupun luar negeri.

Banyak persoalan yang timbul ekoran pindaan tersebut. Masyarakat peneroka sama mereka yang telah habis menjelaskan BK atau sebaliknya tertanya-tanya apakah kesan langsung yang bakal mereka terima. Sehingga kini pihak pengurusan Felda tidak pernah memberikan apa-apa penerangan mengenai implikasi pindaan tersebut. Dan adalah dijangkakan pihak Felda tidak akan memberikan apa jua bentuk penerangan bagi mengelakkan keributan.

Hasil pindaan tersebut pihak Felda sekarang telah mengedarkan 'Borang Pengurusan Pentadbiran' untuk diisi oleh peneroka. Borang tersebut adalah sebagai suatu bukti peneroka akan terus dicengkam tanpa sebarang tindakan yang boleh didakwa-dakwi pada masa hadapan. Beberapa perkara yang hangat dibincangkan oleh peneroka adalah berkaitan status mereka sebagai peneroka. Bagaimanakah status mereka setelah pindaan tersebut? Adakah mereka sebagai pemilik tanah atau buruh?

Selama inipun, meskipun peneroka telah menjelaskan hutang



FELDA KORBORAT, PENEROKA MELABAI

dan mendapat hak milik, mereka tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah mereka. Segala bentuk kerja yang hendak dilakukan ke atas tanah mereka mesti mendapat kebenaran Felda. Hatta jika peneroka hendak menanam pisang sekalipun terpaksa mendapat kebenaran pihak Felda.

Jadi apa ertinya mereka ada geran, jika tindak-tanduk mereka mesti mendapat kelulusan Felda. Sepatutnya apabila sudah mendapat geran, seperti rakyat lain di luar rancangan, mereka boleh buat apa saja ke atas tanah mereka. Apa yang menimpa masyarakat peneroka amat berlainan sekali. Mereka tidak berkuasa penuh terhadap tanah mereka. Setelah pindaan, ada kemungkinan nasib mereka akan lebih teruk.

Pindaan tersebut akan menjejaskan pendapatan peneroka yang sudah sedia kala amat rendah. Perbadanan Kilang sebagai contoh dijangka akan memberikan kesan yang besar kepada pendapatan peneroka. Apabila ditadbir secara swasta perbadanan akan menghadapi kos operasi yang tinggi. Ini termasuk kos pemprosesan, gaji, sistem grading dan pengangkutan BTB. Ini sekaligus memberikan kesan langsung kepada pulangan peneroka. Matlamat asas pindaan tersebut adalah untuk mencapai keuntungan. Masyarakat peneroka sumber tenaga yang terus menjadi aset yang akan dikerah semaksima mungkin bagi memastikan syarikat-syarikat tersebut mendapat keuntungan.

Pindaan tersebut juga merupakan satu tindakan lepas tangan

kerajaan terhadap Felda. Selama ini kerajaan biasanya memperuntukkan lebih RM100 juta setahun kepada badan berkanun itu. Alasannya dengan pindaan ini, membolehkan perbadanan tersebut berdikari. Itu ada benar dan baiknya. Tetapi ketika perbadanan tersebut masih di bawah kerajaan, peneroka tidak mendapat apa-apa faedah, bagaimana apabila ia dikuasai oleh pihak swasta. Tentu nasib peneroka akan lebih buruk.

Pensyarikatan perbadanan itu juga merupakan satu ruang kerajaan untuk mendapat sumber kewangan melalui cukai. Syarikat lazimnya akan berusaha lebih bagi melipatgandakan keuntungan. Yang mendapat kesan secara langsung adalah peneroka. Kaki mereka telah diikat oleh Felda. Mahu tidak mahu mereka terpaksa menyerahkan hasil ladang mereka kepada Felda. Malang sekali nasib mereka.

Pindaan tersebut juga dikatakan bagi memberi peluang kepada peneroka agar terlibat bukan sahaja dalam bidang pengeluaran ladang malahan juga sektor perkilangan dan kegiatan eksport dan sekaligus meletakkan mereka bukan sahaja pemilik ladang bertaraf pekebun kecil terbesar dunia malah petani 'elit' yang terbabit secara aktif di sektor korporat.

Apakah dakwaan tersebut merupakan realiti atau sekadar khayalan dan janji kosong? Selama ini keterlibatan peneroka dalam bidang tersebut telah berlaku secara tidak langsung. Hasilnya mereka tidak mendapat sebarang faedah daripadanya.

Justeru itu apakah peneroka akan mendapat lebih faedah melalui penswastaan ini. Meletakkan peneroka sebagai petani elit merupakan sesuatu yang keterlaluan di pandang dari sudut umum kehidupan peneroka secara keseluruhan. Rata-rata peneroka hidup di bawah paras kemiskinan. Mereka terpaksa membuat kerja di luar rancangan bagi menyara kehidupan mereka. Jika setakat mengharapkan hasil ladang, nescaya ramai yang akan kebuluran.

Jadi atas asas apakah peneroka digelar petani 'elit'. Apakah pentafsirannya berasaskan penglibatan umum kumpulan Felde dalam perdagangan antarabangsa yang peneroka menjadi sumber tenaganya dijadikan ukuran? Jika itulah asasnya, peneroka tidak mendapat apa-apa. Ibarat kata peribahasa, 'lembu punya susu, sapi punya nama.' Peneroka hanya layak tergolong di kalangan rakyat miskin.

Adakah hanya sekadar nama mereka yang dipergunakan oleh Felde maka kerajaan telah mengubah gaya kehidupan mereka.? Sekiranya benar peneroka golongan elit, peneroka mahukan bukti dan asas kukuh kenyataan tersebut. Peneroka tidak mahu menjadi golongan 'menang sorak tapi kampung mereka tergadai'. Setakat ini kesenangan mereka hanya di atas kertas semata-mata. Mereka tidak pernah menghidu sebarang nikmat hasil keuntungan syarikat dan perbadanan yang dikatakan milik mereka bersama.

Sama-sama kita tunggu dan lihat sejauhmanakah pindaan

tersebut sama ada akan menambahkan atau mengurangkan bebanan yang bakal ditanggung oleh peneroka.

Yang nyata pindaan akan merubah nasib kehidupan peneroka. Nasib mereka makin tidak ketentuan. Status mereka juga semakin kabur. Buruhkah?, tuan tanahkah?, petani elitkah? atau buruh paksa?

3/5/94

# Meningkatkan lagi martabat Felda

PINDAAN Akta Felda 1956 yang ditubuhkan oleh Parliamen baru-baru ini mencetuskan 13 perbadanan di bawah Felda untuk meningkatkan martabat syarikat dan sektor. Dengan demikian, Felda mempunyai 13 syarikat yang akan bergerak mengikut fungsi masing-masing syarikat yang membolehkan ia lebih berkesan dalam menjalankan perniagaan. Ia berkuatkuasa pada 1 Julai ini.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Kita percaya masyarakat perantara akan lebih diuntungkan oleh perbadanan-perbadanan ini. Kita percaya masyarakat perantara akan lebih diuntungkan oleh perbadanan-perbadanan ini. Kita percaya masyarakat perantara akan lebih diuntungkan oleh perbadanan-perbadanan ini.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

KUANTAN, Isnin — Kerajaan Pahang tidak mahu Felda meninggalkan fungsi sosial masyarakat taraf hidup peneroka walaupun 13 perbadanan kepunyaan agensi itu akan ditukarkan menjadi syarikat sendiri berhad.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

# Felda diminta teruskan fungsi sosial

B/H 3/5/94

Angkut, Kilang, Perkhidmatan Keselamatan, Khidmat Pertanian, Binaan, Perumahan, Getah, Isi Sawi, Khidmat Komputer dan Hassan berkata, bertukaran perbelanjaan mengurus Felda kepada RM70 juta setahun, sebahagian keuntungan hasil perniagaan perbadanan itu hendaklah diagihkan kepada peneroka melalui koperasi masing-masing.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Perbadanan-perbadanan ini akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda. Ia akan meningkatkan martabat syarikat Felda dan memperkukuhkan perniagaan Felda.

Pindaan Akta Felda 1956, sejauhmanakah peneroka menikmati perubahan tersebut. Bagaimanakah nasib mereka, semakin bahagia atau terus menderita?

## **FELDA BERTUKAR MENJADI BADAN KORPORAT**

**DALAM** keghairahan pemimpin-pemimpin negara menswastakan beberapa agensi kerajaan menjadi badan-badan korporat, Felda juga tidak terkecuali. Secara rasmi, kini Felda menjadikan sebuah badan korporat hasil titik peluh peneroka selama ini.

Sehingga kini Felda telah mempunyai 13 perbadanan iaitu:-

- a) Perniagaan Niaga Felda;
- b) Perbadanan Pengendalian Susu Getah;
- c) Perbadanan Angkut;
- d) Perbadanan Kilang Felda;
- e) Perbadanan Perkhidmatan Keselamatan;
- f) Perbadanan Khidmat Pertanian;
- g) Perbadanan Pembinaan;

## ' FELDA KORPORAT, PENEBOKA MELARAT '

- h) Perbadanan Isi Sawit;
- i) Perbadanan Khidmat Komputer;
- j) Perbadanan Pemasaran;
- k) Perbadanan Getah;
- l) Perbadanan Penapisan;
- m) Perbadanan Marketing.

Felda juga mempunyai beberapa syarikat usahasama iaitu:-

- a) Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd;
- b) Felda Johore Bulkurs Sdn Bhd;
- c) Felda Oil Products Sdn Bhd;
- d) FPM Sdn Bhd;
- e) Malaysia Cocoa Manufacturing Sdn Bhd;
- f) Laporte (Malaysia) Sdn Bhd;
- g) Pasir Gudang Grains Terminal Sdn Bhd;
- h) Bostard.

Pihak pentadbiran Felda mendakwa 85% ekuiti saham daripada 13 anak-anak syarikat datangnya daripa peneroka. Malangnya peneroka tidak pernah menikmati sebarang dividen keuntungan perbadanan- perbadanan tersebut. Dividen hanya dinikmati oleh sebahagian peneroka yang menjadi ahli Koperasi Permodalan Felda (KPF), Ahli- ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan syarikat-syarikat tersebut.

Sehingga kini terdapat kira-kira 22,957 orang kakitangan yang bertugas dengan Felda, perbadanan-perbadanannya dan juga syarikat -syarikat usaha sama.

Pecahan kakitangan adalah seperti berikut:

Felda	8,404
Perbadanan	13,327
Syarikat Usahasama	1,316

Daripada jumlah tersebut ruang dan peluang anak-anak peneroka untuk memjawat jawatan tersebut adalah terlalu kecil. Malah mengikut analisa, terdapat kakitangan Felda terdapat orang-orang asing dan kamu bukan bumiputera.

Persoalannya mengapa anak-anak peneroka tidak diberikan peluang sewajarnya untuk mentadbir syarikat yang mempunyai susur galur dengan latar belakang mereka?

Oleh kerana Syarikat-syarikat Felda ditadbir oleh kalangan yang tidak datang dari Felda, maka tidak hairanlah mereka mentadbir mengikut selera mereka . Mereka tidak pernah melihat dan merasai apa yang dialami oleh peneroka untuk mencari sesuap nasi.

Mereka tidak mempunyai 'self-belonging' terhadap syarikat yang mereka uruskan kerana mereka tidak berakar umbi di tanah rancangan Felda. Tentu berbeza dengan anak-anak peneroka, mereka sering melihat orang tua mereka memerah peluh untuk menyara mereka. Pasti mereka lebih berhati-hati menguruskan syarikat yang ada kaitannya dengan keluarga mereka.



Maka tidak hairanlah banyak penyelewengan dan kerugian berlaku terhadap anak-anak syarikat Felda kerana ditadbir secara 'mereka'. Kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat tersebut terpaksa ditanggung sama oleh peneroka seperti yang berlaku kepada Laporte (Malaysia) Sdn Bhd sedangkan mereka tidak pernah diajak berunding semasa pelaburan hendak dimulakan.

Mulai tahun 1990 Felda telah memperkenalkan sistem saham kepada peneroka yang baru menduduki sesuatu rancangan Felda. Tanah rancangan baru Felda akan dikendalikan sepenuhnya oleh anak syarikat Felda dan peneroka hanya akan diberikan gaji tetap dan juga saham.

Pelaksanaan sistem saham menandakan satu lagi tindakan yang bertentangan dengan matlamat asal penubuhan Felda. Felda yang pada peringkat awalnya menjadi satu wadah harapan orang-orang Melayu yang tidak bertanah untuk memiliki tanah sendiri telah berubah menjadikan peserta yang berjaya terpilih menjadi buruh pilihan Felda.

Rancangan tanah Felda yang pertama ditadbir secara sistem saham adalah di Selancar, Pahang. Kira-kira 150 peneroka terbabit dengan sistem ulung ini dan membabitkan keluasan lima ribu ekar tanah.

Menurut sistem baru ini, tanah-tanah rancangan akan dibuka sebagai syarikat ladang serta beroperasi seperti ladang-ladang swasta. Sistem ini lebih mementingkan keuntungan

## ' FELDA KORBOPAT, PENEROKA MELARAT '

selain dari bonus dan dividen.

Apa yang menjadi persoalan kepada peneroka ialah olahan pihak pentadbiran Felda dalam mengambil kira penentuan saham. Tidak dapat dipastikan sama ada penentuan saham dibuat pada awal kemasukan peneroka ke rancangan atau hanya setelah tanah rancangan tersebut dibayar balik modal pembangunannya.

Ketidajelasan penentuan saham tersebut sudah barang tentu membuka ruang penyelewengan dan penindasan terhadap peneroka. Dasar ini secara amalnya membuka ruang pihak kolar putih Felda meng-eksploitasi peneroka.

Sebelum sistem ini diperkenalkan sebahagian ladang Felda juga ditadbir secara terus oleh Felda atau ditenderkan kepada pihak swasta melalui sistem Bul. Hampir setiap rancangan Felda mempunyai tanah-tanah yang ditadbir di bawah sistem ini.

Dari segi keluasan adakalanya hingga membolehkan sebuah lagi rancangan Felda. Ini bermakna luasannya di antara 4,000 hingga 5,000 ekar. Sebagai contoh seperti yang terdapat di Felda Gugusan Air Tawar, keluasan tanah yang ditadbir di bawah sistem Bul melayakkannya untuk dijadikan Rancangan Felda Air Tawar 6. Setakat ini terdapat Rancangan Felda Air Tawar 1 hingga 5 di gugusan tersebut.

Langkah Felda mentadbir sebahagian tanahnya di bawah

sistem Bul adalah tidak wajar sama sekali kerana ramai di kalangan peneroka sendiri tidak mendapat ladang dengan keluasan 10 ekar sebagaimana sepatutnya.

Peneroka yang tidak mendapat keluasan ladang 10 ekar wajar diberikan hak terhadap tanah-tanah berkenaan mengikut keluasan yang digariskan. Sesudah semua peneroka mendapat keluasan ladang yang mencukupi barulah selebihnya ditadbir secara terus oleh Felda.

Dasar pensyarikatan yang baru dilaksanakan terhadap rancangan- rancangan barunya menyerlahkan lagi kecenderungan Felda ke arah mengaut keuntungan semata-mata tanpa mengambilkira kepentingan rakyat miskin yang tidak bertanah.

Pindaan Akta Felda 1956 tidak lama dulu membuktikan hasrat sebenar kerajaan dan Felda mutakhir ini. Tiga belas perbadanan Felda diubah fungsinya menjadi syarikat sendirian berhad. Pindaan tersebut sekaligus mengenenepikan kepentingan peneroka.

Harapan rakyat miskin digadaikan dengan dasar kapitalis Felda. Perubahan dasar dan pindaan akta sekaligus menutup ruang rakyat miskin untuk menyandarkan pengharapan memiliki tanah melalui penyertaan di rancangan Felda. Harapan rakyat miskin musnah bersama kemegahan nama Felda.

# Peneroka Felda bantah sistem saham kerajaan

Senai: PAS Kawasan Senai membantah sekeras-kerasnya tindakan pihak kerajaan yang membatalkan pemberian hak milik kepada peneroka-peneroka Felda.

Penggantian sistem hak milik kepada sistem saham merupakan satu penganiayaan kepada peneroka.

Demikian dinyatakan oleh jurucakap para peneroka, Encik Mazlan Aliman yang juga seorang peneroka.

Menurutnya, sistem saham yang diperkenalkan itu adalah bertentangan dengan hukum hak milik tanah menurut Islam dan membunuh asas yang dibina oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua di mana semua peneroka adalah berpeluang memiliki tanah.

Tambahnya, dalam suasana harga barang-barang keperluan melambung naik serentak dengan penurunan harga hasil-hasil pertanian, pengumuman sedemikian amatlah mengecewakan

rakyat.

Beliau menyeru para pengundi di kawasan Senai yang majoritinya adalah para peneroka supaya membantah rancangan kerajaan ini.

Kepada para peneroka yang terlibat dengan proses tanam semula, beliau mengingatkan mereka agar berfikir dengan teliti sebelum menandatangani beberapa borang perjanjian supaya tidak tertipu dengan pihak pentadbiran Felda.

Perjanjian tersebut dijangka akan lebih mencengkam kehidupan para peneroka.

"Kita tidak mahu para peneroka tertipu dan tertindas buat kali kedua," katanya lagi.

Para peneroka turut diseru supaya bersatu padu untuk bersama-sama memperjuangkan nasib mereka mengikut saluran yang betul dan sah di sisi undang-undang.

RENCANA PENGARANG

**Berita  
Harian**

SELASA, 9 JULAI, 1991

## Felda menyahut cabaran era kedua

MULAI November depan, semua tanah rancangan baru Felda akan diuruskan oleh anak syarikat agensi itu dengan peneroka berpeluang memegang saham syarikat sebanyak 49 peratus. Selain itu setiap peneroka juga akan menerima gaji di antara \$300 dan \$400 sebulan seperti pekerja di ladang swasta. Menerusi sistem baru itu, peneroka juga tidak perlu membayar balik hutang membuka tanah rancangan, cukai tanah dan upah mengukur tanah. Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, berkata sistem baru itu dapat menjamin pendapatan pekerja dan siji saham yang dimiliki peneroka sama seperti geran tanah, malah lebih baik kerana boleh diurusniagakan mengikut unit saham serta mudah untuk diwariskan kepada keluarga.

Kita melihat perubahan ini sebagai satu tanda positif dan membuka era baru dalam sistem pengurusan Felda. Sememangnya sudah sampai masanya bagi Felda menereka kaedah pengurusan yang lebih dinamik dan bergerak seperti sebuah badan korporat, bukan hanya sekadar untuk mengeluarkan masyarakat kampung tradisional daripada garis kemiskinan, malah mewujudkan peneroka profesional. Ini bukan bermakna kita ti-

*Perubahan Felda Kepada sistem saham, cabaran era kedua yang akan memburukkan lagi masa depan peneroka.*

## ***JADUAL TETAP BAYARAN KEMBALI RANCANGAN KELAPA SAWIT***

ADA di kalangan peneroka yang kurang arif, apakah bentuk-bentuk pemotongan yang dikenakan ke atas mereka. Ada yang takut untuk bertanya mengapa 'balance' yang mereka terima terlalu sedikit. Ada pula yang hanya mengeluh panjang apabila baki yang mereka terima amat tidak memuaskan.

Peneroka terpaksa membayar balik setiap sen kos pembangunan dengan dikenakan faedah sebanyak 6.25 peratus setahun. Sekiranya peneroka gagal untuk menjelaskan bayaran dalam jangka waktu yang ditetapkan nescaya mereka terpaksa membayar lebih kerana faedahnya akan terus dikira.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilunaskan oleh peneroka bagi rancangan kelapa sawit.

### A. Jadual Tetap Bayaran Kembali Di Rancangan Kelapa Sawit (JTBK)

JTBK ialah satu penyata yang menunjukkan jumlah hutang tiap- tiap seorang peneroka. Hutang tersebut perlu dibayar dalam tempoh tidak lebih 15 tahun. Hutang-hutang peneroka terdiri adalah:

- i) Harga Pembangunan Ladang.
- ii) Harga Kawasan Kampong.
- iii) Pinjaman-pinjaman persendirian.
- iv) Faedah.

#### i) HARGA PEMBANGUNAN LADANG

Harga pembangunan ladang ialah jumlah semua perbelanjaan dari mula dimajukan sehingga ke tarikh dikunci kira-kira. Perbelanjaan-perbelanjaan itu adalah seperti berikut:

- a) Pembukaan tanah dan pembangunan ladang.
- b) Penjagaan (sama ada oleh pemborong atau peserta).
- c) Baja dan kimia yang digunakan.
- d) Lain-lain perkhidmatan pertanian yang digunakan untuk operasi rancangan yang baik.

#### ii) HARGA KAWASAN KAMPONG

Setelah kawasan ladang dimajukan, satu kawasan yang sesuai untuk kawasan kampong turut dibuka. Kawasan ini dijadikan tapak-tapak rumah peneroka dan kemudahan awam seperti mesjid, sekolah, balai raya dan sebagainya. Oleh kerana tapak rumah peneroka tidak menggunakan seluruh kawasan perkampongan yang telah dimajukan, maka Felda hanya

menggenakan 35% dari harga pembangunan kawasan perkampongan itu. Namun bakinya dikenakan kepada kira-kira pentadbiran.

### iii) PINJAMAN PERSENDIRIAN

Pinjaman persendirian adalah terdiri daripada perkara-perkara berikut:

- a) Perkakas dan peralatan yang diberikan kepada peneroka sebelum kira-kira dikunci.
- b) Harga pembinaan rumah peneroka.
- c) Pinjaman sakit, jika ada.
- d) Pinjaman tunai, jika ada.
- e) Pokok buah-buahan, jika ada.
- f) Lain-lain perbelanjaan yang dikenakan kepada peneroka-peneroka berkenaan, tidak kepada kira-kira peringkat.

Jumlah pinjaman persendirian ini adalah berbeza di antara seorang peneroka dengan peneroka yang lain.

### iv) FAEDAH

Faedah adalah terdiri dari dua jenis:

- a) Faedah kompaun
- b) Faedah annuiti.

Faedah kompaun adalah satu faedah yang dikenakan tiap-tiap tahun sehingga kira-kira peringkat dikunci. Faedah yang

dikenakan pada satu tahun itu akan menjadi pokok pada tahun berikutnya.

Sebagai contoh lihat jadual di bawah.

THN	PERBELANJAAN	FAEDAH (6 1/4%)	FAEDAH + PERBELANJAAN TERKUMPUL
1	RM200,000.00	RM12,500.00	RM212,500.00
2	$\begin{array}{r} 300,000.00 + \\ 212,000.00 \\ \hline 512,000.00 \end{array}$	RM32,031.25	RM544,531.25
3	$\begin{array}{r} 200,000.00 + \\ 544,531.25 \\ \hline 744,531.00 \end{array}$	RM46,533.20	RM791,064.45

Oleh itu jumlah faedah kompaun bagi tempoh masa 3 tahun di atas ialah:

$$791,064.45 - 700,000.00 = \text{RM}91,064.45.$$

Adalah diingatkan bahawa faedah yang dikenakan hanya mulai pada bulan perbelanjaan dikenakan pada peringkat itu.

Faedah annuiti ialah faedah yang diperlu dibayar oleh peneroka dalam tempoh lebih kurang 15 tahun. Di sini faedah dikenakan ke atas baki yang belum dibayar pada akhir tiap-tiap tahun. Dengan jumlah ini jumlah pokok di mana kira-kira faedah annuiti dikenakan adalah berkurang tiap-tiap tahun.

Faktor 0.10465123 adalah didarabkan dengan jumlah



hutang pada tarikh dikunci kira-kira dan seterusnya didarabkan dengan 15 tahun.

1. Jumlah hutang tiap-tiap peneroka pada 31/12/75  
- RM 18,000.00
2. Jumlah yang patut dibayar termasuk faedah annuiti  
selama setahun. - RM 1,883.72
3. Jumlah hutang termasuk faedah selama 15 tahun  
- RM 28,255.80

Jumlah faedah = RM 10,255.80 +

Jumlah faedah annuiti adalah sebanyak - 57 sen bagi tiap-tiap RM 1.00 hutang yang dikira pada tarikh kira-kira dikunci.

# Bayaran kembali tinggi dikaji

U.M  
3/6/94

**S**EGAMAT 2 Jun — Ahli Lembaga Pengarah FELDA, Mahmud Sarjono berjanji akan meneliti masalah yang dihadapi lebih 1,000 peneroka di FELDA Palong Timur dekat sini mengenai jumlah bayaran kembali (BK) bulanan yang dianggap tinggi.

Mahmud berkata, beliau akan meneliti perkara itu sebelum dirujuk ke Ibu Pejabat FELDA.

Katanya, beliau mene-

kelapa sawit mereka setiap bulan tidak berbaki.

Beliau menjelaskan, para peneroka di situ akan terbabit dalam pelaksanaan sistem blok pada bulan Jun ini (sistem ukuran lot individu) setelah mereka melaksanakan sistem perkongsian sementara.

"Tetapi masalah BK yang dianggap tinggi perlu diselesaikan dahulu sebelum sistem blok diteruskan," katanya.

kos pembangunan yang dibiayai FELDA di ladang dan tapak rumah.

"Saya akan kaji dulu laporan peneroka-peneroka itu berdasarkan bu-tiran terperinci yang telah disediakan oleh bahagian perakaunan di Ibu Pejabat FELDA di Kuala Lumpur," katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, jumlah BK yang dikenakan kepada para peneroka itu me-

Beliau berkata, maksimum BK yang ditentukan tidak melebihi RM250 sebulan bagi seorang peneroka.

Mahmud menambah, jumlah BK yang tinggi itu dikenakan mungkin atas sebab-sebab tertentu antaranya penghasilan yang kurang dan jumlah pokok sawit yang ditanam tidak mencapai sasaran sebagaimana jumlah sepatunya bagi setiap hektar.

Katanya, jika ini berla-

*Disaat peneroka menghadapi yang amat kritikal, mengapa masih nak dikaji*

## **POTONGAN YANG DIKENAKAN OLEH FELDA**

**PENEROKA** dibebani dengan berbagai-bagai jenis potongan dari peringkat Ibu Pejabat hingga ke peringkat rancangan. Berbagai-bagai tahap pemotongan terhadap pendapat peneroka telah menyebabkan pendapatan peneroka terjejas teruk walaupun hasil keluaran ladang mereka tinggi.

Butir-butir potongan yang dikenakan oleh Felda, dan telah menjadi bebanan kepada peneroka adalah seperti berikut:-

a) PAYSHEET-A

Tabung Pembangunan Peneroka	60sen setan (k/sawit)
Pengangkutan BTB	RM 1.00 setan
Penjagaan Jalan Pertanian	RM 1.00 seekar

**' FELDA KOBPOBAT, PENEROKA MELARAT '**

Insuran Ladang	RM 4.00 seekar
Cukai Tanah	RM 12.00 (10 ekar sebulan)
Tanam Semula	RM 40.00 seekar
Bayaran Kembali (BK)	RM150 - RM250
Cerakinan Daun	RM 4.00 seekar setahun
Dilaksanakan bila perlu) Penjagaan Ladang	

**b) PAYSHEET-B**

Potongan Koperasi Peneroka	RM 3.00 sebulan
Perbadanan Niaga Felda	Bergantung kepada pengambilan barang makanan PNF
JKKR	RM 5.00

**c) PAYSHEET-C**

Khairat kematian	RM 3.00
Majalah Peneroka	40 sen
Tabung mesjid	Ditentukan di peringkat rancangan
GPW	50 sen
Persatuan Bulan Sabit Merah	20 sen
RELA	20 sen
JKKR	RM 5.00
Belia	20 sen
Badan Tadika	RM 10.00

**' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '**

Elaun Ketua Blok	RM 6.00
Potongan Jual Beli Bual	(mengikut blok)
Upah mengangkut baja	80 sen 1 beg
Tabung blok	(mengikut persetujuan blok)
Racun jalan	RM 5.00
Biro Ladang	RM 4.70
Upah kerja lot ketua/ pen ketua blok	RM 4.90
Denda tidak gotong royong	RM 8.00
Derma Maulud Nabi	RM 1.00

Felda juga menguatkuasakan sistem denda kepada peneroka yang gagal menjalankan kerja-kerja ladang sebagaimana yang ditetapkan oleh pengurusan. Wujudnya sistem denda ini menambahkan lagi beban peneroka. Sekiranya peneroka didapati bersalah, mereka terpaksa membayar denda, jika tidak mereka akan menghadapi tindakan tata- tertib yang lebih berat.

**' FELDA KORBORAT, PENEROKA MELABAT '**

Jadual jenis-jenis kesalahan tidak mengerjakan ladang kelapa sawit dan dendanya adalah seperti berikut:-

Denda kerana tidak mengerjakan ladang rancangan kelapa sawit

BIL	JENIS KESALAHAN	U. DENDA	DENDA
<b>A</b>	<b>MENUAI</b>		
i	Tidak menuai BTB	Tandan	RM 3.00
ii	Menuai BTB muda	Tandan	RM 3.00
iii	BTB relai ditinggal	Beg	RM 5.00
iv	Menuai tidak habis	Tandan	RM 3.00
v	BTB tidak diangkut	Tandan	RM 3.00
<b>B</b>	<b>TIDAK MERUMPUT</b>		
i	Bulatan pokok	Ekar	RM 8.00
ii	Kawasan dada	Ekar	RM 5.00
iii	Sempadan	Ekar	RM 2.00
<b>C</b>	<b>TIDAK MEMBUAT KERJA LAIN</b>		
i	Memotong pelepah	Ekar	RM25.00
ii	Memotong pelepah	Pokok	RM 0.50
iii	Jalan pertanian	Rantai	RM10.00
iv	Kebersihan tapak BTB	Buah	RM 1.00
v	Membaja	Beg	RM 5.00

Usaha tambah pendapatan peneroka Felda

# Semua potongan mungkin dihapus



Oleh OTHMAN MAMAT

TEMERLOH, Khamis — Kc ajaan sedang mengkaji kemungkinan menghapuskan semua potongan pendapatan peneroka Felda yang tidak wajar bagi memastikan setiap peneroka menerima pulangan sekurang-kurangnya \$50 setiap bulan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Kasitah Gadam, berkata selain itu kementerannya juga sedang meneliti untuk melanjutkan tempoh bayaran kembali kos pembangunan ladang daripada 15 tahun sekarang kepada 20 tahun bagi mengurangkan potongan pendapatan peneroka.

Katanya, kajian yang dijalankan oleh Kementerian dan Felda itu dijangka siap dalam tempoh dua minggu dan hasil kajian berkenaan akan diumumkan akhir minggu depan.

"Saya sudah mengarahkan pentadbiran Felda meneliti semua potongan pendapatan peneroka di peringkat ibu pejabat Felda dan pejabat wilayah yang tidak perlu bagi memastikan peneroka mendapat baki tunai yang lebih besar setiap bulan.

"Penghapusan potongan itu mungkin dibuat selepas meneliti kajian berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peneroka di Felda Kemaman

12,000 orang atau sepuluh peratus daripada 120,000 peneroka di seluruh negara.

Beliau berkata, berdasarkan bincangan terburu Felda, kira-kira \$4,000 peneroka atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan peneroka menerima baki tunai lebih \$400 sebulan, manakala 24,000 orang atau 20 peratus lagi membawa pulang kurang \$200 sebulan.

Menurutnya, masalah aliran tunai di kalangan peneroka masih menjadi masalah utama di tanah rancangan Felda, menyebabkan kerajaan terpaksa mengkaji dengan teliti puncanya.

Bagaimanapun, katanya, potongan yang boleh dihapuskan terhad di peringkat ibu pejabat Felda dan pejabat wilayah sahaja, manakala potongan di peringkat rancangan perlu ditentukan sendiri oleh peneroka.

"Peneroka boleh menentukan sendiri sama ada mahu terus mencarum dalam tabung tertentu seperti caruman hari raya di peringkat rancangan kerana ada potongan di peringkat itu diwajibkan, manakala yang lain tidak wajib," katanya.

Datuk Kasitah berada di rancangan Felda Kemasul kira-kira tiga jam untuk meninjau sendiri masalah peneroka di situ berikutan peristiwa pengurangan pengarah kawasan

*Betul ke janji tersebut atau sekadar gula-gula penyedap telinga? Kalau hapus semua potongan, bagaimana kerajaan nak bayar balik pinjaman dengan Dunia?*

## ***PERBEZAAN HARGA BUAH SAWIT DAN GETAH FELDA DENGAN SWASTA***

**PERTIKALAN** harga kedua-dua komoditi merupakan salah satu isu yang bermain di kalangan peneroka Felda. Harga yang ditetapkan oleh Felda jauh lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh pihak swasta di pasaran luar. Pertikaian tersebut terus berlarutan sehingga ada di kalangan peneroka yang telah menjual hasil mereka kepada pembeli luar. Ada di antara peneroka telah tertangkap oleh pengurusan Felda sehingga melibatkan pendakwaan di mahkamah.

Contohnya seperti yang berlaku di Felda Bukit Ramun, Kulai, Johor pada 15 Mac, 1990. En Idris Kemin, peneroka yang telah habis bayaran kembali (BK) telah ditangkap oleh pengurus dan pasukan keselamatan Felda ketika memungkah



## ' FELDA KORBORAT, PENEROKA MELARAT '

buah sawit di ladangnya untuk dijual kepada pembeli swasta.

Bagi peneroka rancangan getah, alasan yang diberikan berhubung harga getah mereka lebih rendah kerana getahnya kurang bermutu ataupun getah bercampur air. Kandungan Getah Kering (KGK) atau lebih dikenali sebagai 'Chee' yang dikeluarkan oleh Felda juga rendah. Purata KGK yang peneroka perolehi hanya sekitar 29 % hingga 30% sahaja.

Sedangkan KGK peneroka adalah di antara 29% hingga 38% sepatutnya KGK purata mestilah lebih tinggi sekurang-kurangnya pada kadar 33% hingga 34%. Pihak kilang mendakwa bahawa kadar KGK rendah kerana pembakaran di Pusat Mengumpul Getah (PMG) hanya selama 4 jam sedangkan di kilang 9 jam dan menggunakan oven pembakar yang berbeza.

Malangnya setelah peneroka membakar pada tempoh yang sama dan menggunakan oven yang disyorkan oleh kilang, namun kadar KGK tetap rendah. Felda juga tidak mengira timbangan yang tidak sampai setengah kilogram. Bagi timbangan yang melebihi setengah kilogram hanya dikira setengah kilogram. Contohnya sekiranya timbangannya 70.75 kg hanya dikira 70.5 kg sahaja.

Apa yang menjadi pertikaian peneroka ialah sepatutnya dengan timbangan yang sebegitu jumlah timbangan keseluruhan mestilah lebih. Tetapi apa yang berlaku apabila penyata di keluarkan timbangannya jauh berkurangan timbangan tidak seimbang dengan timbangan di PMG malah

banyak berkurangan. Jadi kemanakah lebihan timbangan tersebut?

Mungkin faktor pengangkutan yang menyebabkan berlaku tumpahan tetap sepatutnya lebihan-lebihan yang tidak dikira dapat menampung tumpahan yang berlaku. Malangnya kadar kehilangannya adalah tidak munasabah dan menimbulkan pertikaian peneroka. Kadar kehilangan yang besar telah menyebabkan pendapatan peneroka turut terjejas.

Getah beku atau sekerap juga menimbulkan persoalan peneroka. Kerap kali berlaku susutan yang terlalu besar di antara timbangan di PMG dan di kilang. Faktor getah sekerap yang basah adalah mustahil boleh menyebabkan kesusutan sehingga bertan-tan banyaknya. Peneroka terlalu musykil dan kecewa dengan keadaan sebegini yang berterusan. Pendapatan mereka terjejas setiap bulan.

Hasil dakwaan dan kerenah tersebut menyebabkan setengah-setengah peneroka menjual getah mereka kepada pembeli luar bagi memastikan kesahihan dakwaan pihak Felda. Mereka mendapati perkara yang didakwa oleh pihak Felda tidak timbul dan getah mereka dibayar dengan harga pasaran yang standard.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, En Ghafar Baba pernah menggesa Felda menghentikan pemotongan sebanyak RM10.00 sebulan oleh PMG. Potongan tersebut telah dihentikan dan amat dialu-alukan oleh peneroka. Persoalannya,

## ' FELDA KORBORAT, PENEROKA MELABAT '

peneroka meminta supaya pemotongan yang dikenakan selama ini dipulangkan kepada mereka.

Setelah pemotongan PMG dihentikan, peneroka rancangan getah masih dikenakan potongan sebanyak 2 sen bagi setiap kilogram di kilang. Felda tidak sepatutnya membuat potongan tersebut kerana kos operasi tidak harus ditanggung oleh peneroka kerana hasil keuntungan dari kilang tersebut tidak pernah dinikmati oleh peneroka.

Bagi peneroka rancangan kelapa sawit, masalah yang dihadapi oleh mereka berhubung harga kelapa sawit juga banyak menimbulkan perbalahan dengan pengurusan Felda. Harga yang dikenakan oleh Perbadanan Kilang Felda (PKF) tidak berpandukan kepada harga yang di keluarkan oleh Lembaga Perlesenan Kelapa Sawit (PORLA).

Menurut pengalaman peneroka, harga sawit mereka adalah bergantung kepada sikap dan sifat peneroka di peringkat rancangan masing- masing. Sekiranya peneroka memprotes penentuan harga yang jauh berbeza dengan harga kilang swasta, pihak PKF akan menaikkan harga pada bulan hadapannya. Jika tidak berlaku sebarang protes, harganya ditentukan menurut selera PKF. Peneroka berpeluang menikmati harga yang tinggi apabila menjelang pilihanraya umum yang datang lima tahun sekali. Tujuannya jelas untuk memancing undi dan kepentingan politik semata-mata.

Bekas Timbalan Perdana Menteri pernah menyatakan

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT ' GROUP FACTORY

sistem grading 15 sen setan yang diamalkan selama ini akan dihapuskan. Begitu juga upah proses yang tinggi hingga melebihi RM 30.50 setan. Upah proses tersebut jauh lebih tinggi daripada pihak swasta yang hanya mengenakan RM 25.00 setan. Pihak PKF sepatutnya tidak mengenakan sistem grading kerana lazimnya harga yang ditentukan oleh PKF berpandukan kepada peratusan minyak.

Peneroka mahukan kepastian daripada PKF sama ada peneroka menjual buah ataupun peneroka mengupah proses. Sekiranya peneroka menjual buah, ia hendaklah mengikut amalan kilang swasta yang mengenakan penjual:-

- a) Upah proses dikenakan sebanyak RM 25.00 setan.
- b) Upah pengangkutan BTB.
- c) Denda RM 5.00 jika mutu buah muda, tangkai panjang atau sawit tersimpan lebih 48 jam.

Felda juga mendakwa bahawa peratusan minyak sawit semakin menurun mengikut umur pokok sawit yang semakin

<b>KANDUNGAN MINYAK DAN ISI RONG</b>		
<b>UMUR POKOK</b>	<b>KANDUNGAN MINYAK</b>	<b>KANDUNGAN ISI RONG</b>
<b>1 TAHUN</b>	<b>14.0 %</b>	<b>4.0 %</b>
<b>2 TAHUN</b>	<b>17.0 %</b>	<b>4.2 %</b>
<b>3 TAHUN</b>	<b>19.0 %</b>	<b>4.5 %</b>
<b>4 TAHUN</b>	<b>20.5 %</b>	<b>4.5 %</b>
<b>5 - 14 TAHUN</b>	<b>21.0 %</b>	<b>5.0 %</b>
<b>LEBIH 5 TAHUN</b>	<b>26.5 %</b>	<b>5.0 %</b>

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELABAT '

meningkat. Dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali, kerana pihak PORLA sendiri telah mengesahkan bahawa peratusan minyak akan meningkat apabila usia pokok sawit semakin meningkat. Jadual di bawah adalah dirujuk.


Sebenarnya peneroka memahami bahawa BTB dan peratusan minyak akan berkurangan bersebabkan faktor-faktor berikut:-

- a) BTB tidak masak (BTB muda).
- b) Tangkai Panjang
- c) BTB sambang
- d) BTB busuk
- e) Sampah, batu dan kelewatan teknikal di kilang.

Namun begitu, meskipun, peneroka mematuhi arahan-arahan dan menghindarkan perkara-perkara di atas, mereka tetap menerima harga yang tetap rendah yang ditentukan oleh PKF. Menjadi lebih malang lagi, kesilapan teknikal yang berlaku di kilang yang sepatutnya menjadi tanggungan PKF, peneroka juga yang menerima padahnya.

Pertikaian ini akan terus berlarutan selagi pihak pengurusan tidak mengubah dasar dan kaedah yang lebih banyak menindas. Jangan hairan suatu hari nanti, PKF terpaksa ditutup kerana semua peneroka yang telah habis hutang menjual sawit mereka kepada kilang-kilang swasta.

## 'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELARAT'



Kilang milik perbadanan kilang Felda. Harga yang ditawarkan jauh lebih rendah dari kilang swasta. Segala kesitapan teknikal di kilang peneroka juga yang terpaksa menanggung rugi

# Peneroka perlu isi 'borang kuning'



PERJANJIAN PENEROKA  
BERKUATKUASA SELEPAS HAKMILIK

SURAT PERJANJIAN

ANTARA

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

DAN

PENEROKA RANCANGAN FELDA

**JOHOR BAHRU, Khamis** — Semua peneroka Felda yang sudah menyelesaikan hutang, mesti menandatangani borang kuning yang dikeluarkan pihak pengurusan tanah rancangan itu, jika ingin memiliki surat hakmilik tanah.

Jurucakap Felda negeri berkata, keputusan Felda adalah tegas dan peneroka yang berdegi tidak akan diberi surat hakmilik tanah.

Menurutnya, lebih separuh daripada peneroka tanah rancangan Johor Selatan sudah menandatangani borang berkenaan, cuma segelintir yang tidak menandatangani syarat perjanjian. Tidak berpuas hati dengan peraturan yang dikenakan.

"Bagaimanapun, semua rayuan dan perlesenan tidak puas hati dipertimbangkan oleh sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan tahun lalu, katanya.

Jawatankuasa berkenaan melalui Jawatankuasa Perundingan Peneroka, akan mengkaji

rayuan dan kemungkinan melakukan pindaan jika didapati permintaan peneroka adalah berpautan.

"Bagaimanapun, syarat yang dikenakan tidak terlalu ketat, kerana Felda cuma menetapkan syarat untuk menjadi ejen menguruskan tanah peneroka bagi tempoh lima tahun sahaja.

"Selepas itu jika peneroka tidak mahu perkhidmatan Felda, mereka boleh meminta dibentangkan," katanya.

Selasa lalu, kira-kira 500 peneroka Air Tawar Satu, di Kota Tinggi, menandatangani perjanjian tanah rancangan itu menyerahkan surat hakmilik tanah mereka.

Mereka enggan menandatangani borang kuning yang dikeluarkan oleh Felda, kerana tidak bersejua dengan beberapa syarat yang dikenakan.

Jurucakap itu berkata, 2,976 daripada 3,728 peneroka di kawasan Johor Selatan sudah menandatangani borang kuning yang dipertukan.

**BORANG KUNING... mengapa timbul menandatangani borang tersebut setelah Peneroka selesai menjelaskan hutang? perjanjian asal tidak menyebut perkara tersebut**

## ***MENGAPA PENEROKA ENGGAN MENYERAHKAN KERJA-KERJA TANAM SEMULA KEPADA FELDA DAN AGENSINYA.***

SALAH satu isu yang berkocak di tanah-tanah rancangan adalah soal kerja-kerja tanam semula bagi peneroka yang pokok kelapa sawit mereka telah sampai tempohnya untuk di tanam semula.

Pertelingkahan di antara Felda dengan peneroka berkenaan soal siapakah yang harus mengerjakan kerja-kerja tanam semula atau kontraversi yang berhubungkait dengan kerja-kerja tanam semula sewajarnya tidak timbul sekiranya Felda tidak memungkiri janjinya.

Persoalan ini berbangkit ekoran tindakan Felda melanggar isi perjanjian asal yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Sepatutnya Felda tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memaksa peneroka dari menjadikan Felda atau agensinya sebagai agen penanam semula peneroka. Felda juga tidak berhak untuk mengugut peneroka yang mulai menyedari hak-hak mereka.

Peneroka terbabit telah dipaksa untuk menandatangani tiga perjanjian baru iaitu:-

- i. Perjanjian Antara Peneroka dan Felda Berkuatkuas Selepas Hak Milik (Borang Kuning).
- ii. Perjanjian Kawasan Tanam Semula Tanah Sawit Kepada Sawit/Tanah Getah Kepada Getah.
- iii. Perjanjian Pindaan Rancangan Sawit/Getah Sistem Blok.

Tindakan Felda memaksa peneroka menandatangani perjanjian-perjanjian baru tersebut merupakan suatu tindakan yang kejam kerana ia bakal menghumbankan peneroka kembali kepada dilema hutang yang selama ini membelenggu kehidupan peneroka.

Sebenarnya harapan peneroka terbabit amat tinggi. Mereka ingin melupakan kesempitan yang mereka alami selama lebih 20 tahun semasa dalam era membayar bayaran kembali (BK). Mereka membayangkan inilah masanya untuk mereka bernafas lega. Apalagi kini mereka sudah tua dan sisa-sisa hidup mereka sepatutnya bebas dari sebarang hutang.

Mereka ingin menikmati potongan yang dikenakan ke



atas mereka selama ini. Dan mereka ingin melihat tanah yang mereka usahakan selama menjadi milik mereka secara mutlak.

Malangnya, Felda telah menghancurkan segala harapan mereka. Hati mana yang tidak sedih. Hati mana yang tidak marah. Harapan mereka berkecai. Felda enggan sama sekali melihat peneroka senang. Felda mahu peneroka terus menjadi 'buruh murahan' Felda.

Felda nampaknya terus berkeras bahawa kerja-kerja tanam semula hanya boleh dilakukan oleh Felda atau agensinya sahaja. Peneroka mempunyai alasan tersendiri di atas keengganan mereka. Menurut perjanjian asal penglibatan secara terus Felda atau agensinya sepatutnya tidak wujud kerana peneroka akan menubuhkan koperasi mereka sendiri bagi melakukan pembangunan rancangan mereka setelah mereka selesai menjelaskan BK.


Malah Felda juga telah mengeluarkan buku penerangan tanaman kelapa sawit. Ia suatu paksaan terhadap peneroka. Peneroka mahukan kerja-kerja tanam semula mereka lakukan sendiri. Tanah telah menjadi hak mereka, hutang telah juga mereka jelaskan. Peneroka mahu memajukan tanah milik mereka tanpa sebarang campurtangan Felda.

Mereka menaruh keyakinan tabungan dari potongan tanam semula yang terkumpul sebanyak RM 23 ribu hingga RM 25 ribu, boleh mereka gunakan untuk menanam semula dan juga menyara hidup sebelum kelapa sawit mereka

mengeluarkan hasil.

Para peneroka berpendapat kerja-kerja tanam semula yang dijalankan secara kontrak oleh Felda memakan kos yang tinggi, meskipun ia ditadbir secara berkelompok. Penggunaan teknologi tinggi yang diamalkan oleh Felda juga memakan belanja yang besar. Ini mengakibatkan peneroka akan dibebankan dengan hutang yang dikenakan faedah yang tinggi. Potongan hutang dari hasil pengeluaran juga turut meningkat kelak.

Di antara faktor yang menyebabkan, kos kerja-kerja tanam semula Felda jauh lebih tinggi adalah cara Felda memberikan tender tersebut. Urutan pemberian tender tersebut adalah seperti berikut:



**' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '**

Pelaksanaan tender yang melibatkan banyak tahap kontraktor telah menyebabkan kos tanam semula tinggi. Apa lagi dengan dasar Felda yang ingin memastikan keuntungan dalam setiap projek mereka. Akibatnya peneroka yang terpaksa menanggung beban.

Sebagai contoh di sini diberikan perbandingan anggaran perbelanjaan tanam semula di antara Felda dan Risda bagi tanam semula getah. Anggaran ini adalah untuk kontrak keluasan 8 ekar.

Jumlah pebelanjaan ini tidak termasuk kos penjagaan merumput selama 6 tahun. Menurut anggaran perbelanjaan

<b>KERJA-KERJA</b>	<b>KOS</b>	
	<b>RISDA</b>	<b>FELDA</b>
Menebang, mengumpul, membakar, membaja, menyikat, meneres, dan membina jalan.	RM 2,868	RM 3,331
Bagi pembekalan bahan umpamanya pancang, baris, cat, anak benih, baja fosfat, pengangkutan, biji kacang, baja kimia, merumput, baja pokok, baja kacang, kimia musuh dan penyakit	RM2,685.60	RM 8,381

Risda bagi setiap 8 ekar termasuk ,membaja, weading, bahan-bahan dan kerja-kerja kontrak berjumlah RM 16,934.00.

Anggaran kebiasaannya, tabungan peneroka adalah mencukupi dengan kontrak RM2,200 seekar sehingga berhasil bagi rancangan getah. Dalam hal ini, Felda telah gagal menyaingi Risda.

Meskipun Felda menjanjikan bekalan bahan-bahan pertanian yang terjamin mutunya peneroka sukar untuk mempercayainya kerana menurut pengalaman mereka pokok-pokok jantan dan pokok-pokok yang kurang bermutu telah dibiarkan sahaja oleh pihak Felda. Walaupun terdapat insuran ladang, tetapi tidak memberikan sebarang perlindungan kepada sebarang kerosakan secara praktisnya.

Kerja-kerja tanam semula oleh Felda akan menyebabkan peneroka turut dibebani dengan kos pengurusan, pentadbiran dan pemasaran yang begitu tinggi. Selama ini peneroka tidak pernah diberikan penyata kos berkenaaan secara jelas. Mereka bimbang kejadian sebegitu akan berulang lagi.

Kemudahan pinjaman sara hidup yang tidak melebihi RM 200 sebulan merupakan suatu bentuk hutang baru terhadap peneroka. Peneroka akan juga dikenakan faedah yang tinggi dari pinjaman tersebut.

Perjanjian Kawasan Tanam Semula Tanah Kelapa Sawit Kepada Kelapa Sawit juga menyebut bahawa setiap 3 bulan

berakhir baharulah peneroka diberikan keuntungan pendapatan kelapa sawit sekiranya ada. Klausula tersebut menunjukkan bahawa Felda berhasrat untuk menjadikan tanah peneroka sebagai tanah kongsi pendapatan - Peneroka dikenakan hutang manakala Felda terus menerus mendapat keuntungan dalam apa jua keadaan. Malang bagi peneroka, bahagian mereka hanya sekiranya ada!

Dalam membangunkan tanah-tanah peneroka semasa tanam semula, Felda dan agensinya berkuasa penuh terhadap tanah-tanah yang dimiliki oleh peneroka sedangkan peneroka yang menjadi tuan tanah hanya dianggap sebagai buruh dengan kadar bayaran yang tidak dinyatakan oleh Felda.

Sesuatu yang agak menghairankan adalah mengapa wang sara hidup yang diberikan kepada setiap peneroka yang menandatangani perjanjian masih lagi dipotong sebanyak RM 100 dengan alasan untuk penjagaan ladang. Ini menggambarkan bahawa bahawa tabungan tanam semula seolah-olah tidak mencukupi. Sedangkan menurut Majalah Peneroka bil 05 Jilid 22/90 tabungan tanam semula peneroka adalah mencukupi termasuk bagi kerja-kerja tanam semula dan wang saraan peneroka sebelum mengeluarkan hasil. Hanya peneroka yang membuat BK selama 21 tahun sahaja yang mengalami kekurangan sebanyak RM 1,169.

Seperkara yang menarik dari penerangan berkenaan adalah menunjukkan bahawa segala tabungan peneroka adalah mencukupi sehingga tanam semula mereka

mengeluarkan hasil.

Tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Peneroka dikenakan potongan untuk penjagaan ladang. Wang sara hidup yang diberikan kepada peneroka dikira sebagai kredit dan peneroka akan dikenakan membayar balik apabila telah mengeluarkan hasil kelak. Jadi apakah wang sejumlah RM 25 ribu hingga RM 23 ribu itu dihabiskan oleh Felda hanya semata-mata untuk menanam semula?

Secara praktiknya adalah begitu, impian peneroka untuk menjadi pemilik mutlak ke atas tanah mereka hanya tinggal impian, hasrat peneroka untuk membebaskan diri dari kalungan hutang juga nampaknya tidak akan berakhir. Perubahan dasar Felda akan menyebabkan peneroka menjadi penanggung hingga ke akhir hayat.

KADAR PULANGAN	22 tahun	21 tahun
	7%	7%
Jumlah kutipan dan Faedah terkumpul	25,171	23,045
TOLAK Anggaran kos utama untuk tanam semula	12,514	12,514
Baki kutipan	12,657	10,531
TOLAK Sara hidup RM300 sebulan (39 bulan)	11,700	11,700
Baki kutipan	RM957.00	RM-1169.00

# Peneroka enggan tanam semula

KOTA TINGGI, Ahad - Sebahagian besar daripada kira-kira 70 peneroka di rancangan Felde Pasak peringkat dua dekat sini, enggan menandatangani perjanjian menyerahkan kebun mereka untuk ditanam semula oleh Felde.

Setiausaha Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia cawangan Felde Pasak, Mohd Said Simat, berkata langkah itu sebagai membantah syarat perjanjian yang disifatkannya mengenai peneroka.

Menurutnya, perjanjian yang membuatkan 20 perkara itu tidak memberi peluang kepada peneroka untuk mengekalkan tanaman getah sebagai tanaman asal kebun mereka.

"Sebaliknya syarat perjanjian itu memastikan peneroka menanam semula dengan kelapa sawit serta melantik Felde sebagai agensi pengurusan dan pembersihan tanaman semula kebun mereka," katanya di sini, hari ini.

Menurut Mohd Said, peneroka tidak lagi terpengaruh dengan pucukan Felde untuk menukarkan program tanam semula getah kepada kelapa sawit.

"Kami juga tidak bersetuju untuk melantik Felde sebagai agensi pengurusan dan pembangunan tanah, sebaliknya akan menggunakan wang bantuan tanam semula Risda untuk menanam semula dengan getah," katanya.

Menurutnya, setiap peneroka yang kini memiliki 3.2 hektar kebun getah akan kehilangan kira-kira 0.4 hektar yang diambil Felde untuk dijadikan jalan pertanian sekiranya mereka bersetuju untuk menanam kelapa sawit.

"Ini berbeza dengan rancangan Felde yang ditanam kelapa sawit kerana setiap peneroka memiliki tanah empat hektar bersih selepas ditolak jalan pertanian," katanya.

Beliau berkata, selain itu, bayaran akaun simpanan tanam semula sawit

akan dipotong serta membebaskan peneroka kerana terpaksa menanggung hutang yang berterusan.

Menurutnya, peneroka Felde itu yang sudah diberi hak milik sejak November 1991 tidak sepatutnya dibebankan semula dengan beban hutang pembangunan yang tinggi kerana penanaman semula kelapa sawit.

Antara syarat perjanjian yang sukar diterima ialah larangan peneroka mendapatkan penjelasan berhubung akaun yang disediakan oleh Felde bagi menentukan jumlah pinjaman yang mesti dibayar oleh mereka.

"Sebagai pemilik kebun, sepatutnya kami berhak mengetahui kos pembangunan sebenar yang perlu dibayar selepas ditolak wang bantuan tanam semula daripada Risda dan bantuan sara hidup," katanya.

B/14  
11/4/94

*Mengapa Felde terus menerus hendak menindas Felde. Soal tanam semula adalah hak peneroka. Felde tidak berhak memaksa peneroka menjadikan Felde sebagai agen tanam semula*

## ***PEKERJA LADANG DAN PENEROKA FELDA SATU PERBANDINGAN***

**KEMELUT** yang melanda peneroka menjadikan ramai peneroka yang keliru. Mereka tertanya-tanya apakah sebenarnya status mereka. Pekerja ladang, tuan tanah atau hamba semamata.

Tindakan Felda tidak dapat memperjelaskan hak dan status mereka yang sebenarnya. Untuk mereka mendakwa sebagai tuan tanah tidak dapat dipastikan kerana mereka tidak mendapat hak milik yang mutlak ke atas tanah mereka.

Setiap pekerjaan yang hendak dilakukan ke atas tanah mereka perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu dari pihak pengurusan. Jadi, di status manakah sebenarnya mereka diletakkan?



## 'FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT'

Untuk mereka mendakwa sebagai pekerja ladang, mereka tidak mendapat hak sebagai pekerja ladang. Pekerja ladang tertakluk di bawah Undang-Undang Buruh yang meliputi Akta Kerja 1956, Akta Perhubungan Industri 1967, Akta Kesatuan Sekerja dan banyak lagi.

Pekerja ladang juga membuat caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menjadi simpanan di hari tua mereka. Mereka juga mendapat perlindungan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang menjamin mereka mendapat pampasan sekiranya berlaku sebarang bencana di tempat kerja.

Peneroka tidak punya apa-apa simpanan untuk hari tua mereka. Potongan yang dikenakan dikenakan ke atas mereka hanya untuk membayar hutang kos pembangunan ladang, tapak rumah dan rumah mereka. Juga kos-kos lain yang melibatkan kerja-kerja ladang dan juga kerja-kerja tanam semula.

Mereka tidak mempunyai suatu sandaran harta yang boleh dijadikan bekalan apabila mereka tidak mampu mengerjakan ladang lagi. Untuk mengharapkan geran tanah yang boleh dijadikan cagaran bank juga tidak laku kecuali mendapat jaminan Felda.

Peneroka, sekiranya semata-mata mengharapkan hasil ladang mereka nescaya hanya setakat cukup makan sepasang suami

isteri sahaja. Untuk mereka membeli kenderaan seperti kereta dan sebagai jauh panggang dari api. Keadaan yang wujud hari ini, peneroka mempunyai kereta dan mengubahsuai rumah-rumah mereka adalah hasil usaha mereka membuat kerja-kerja di luar rancangan.

Isteri-isteri pekerja estet boleh mendapat pendapatan tambahan dengan kerja-kerja mereka di ladang. Tetapi isteri peneroka tidak akan mendapat pendapatan tambahan sekiranya mereka turut bekerja di ladang. Oleh sebab itulah sekarang ini lebih 75 peratus isteri-isteri peneroka bekerja di kilang-kilang bagi menambah pendapatan keluarga dan menghadapi era harga barang keperluan yang melambung tinggi.

Anak-anak pekerja estet juga boleh mengharapkan ladang sebagai tempat mereka mencari rezeki, tetapi anak-anak peneroka tidak boleh mengharapkan ladang mereka sebagai tempat mencari rezeki. Justeru itu mereka terpaksa keluar rancangan untuk menyara kehidupan.

Pekerja ladang mendapat perlindungan PERKESO sekiranya berlaku bencana ketika pergi dan balik ke tempat kerja juga semasa bekerja. Peneroka tiada sebarang perlindungan. Sekiranya peneroka ditimpa kemalangan di ladang atau dalam perjalanan pergi dan balik ke ladang, itu adalah tanggungan peneroka sendiri.

Banyak kejadian kemalangan menimpa peneroka di ladang

## 'FELDA KORBOPAT, PENEROKA MELARAT'

mereka seperti ditimpa buah kelapa sawit, ditimpa pelepah, dipatuk ular dan sebagainya. Ada yang menyebabkan kecacatan malahan juga kematian. Mereka tidak mendapat apa-apa pampasan. Seolahnya mereka mati percuma.

Hanya terdapat tabung khairat kematian di peringkat rancangan yang memberikan sedikit sumbangan kepada peneroka yang meninggal dunia. Itupun hasil duit potongan peneroka-peneroka. Felda tidak menyediakan sebarang perlindungan kepada peneroka.

Bagi peneroka yang disingkirkan dari rancangan oleh sebab disiplin atau jenayah, mereka tidak punya tempat mengadu kecuali mahkamah. Mereka yang merasakan penyingkiran mereka tidak wajarhanya boleh menuntut keadilan melalui mahkamah. Peneroka tidak punya wang. Mendakwa Felda di mahkamah memerlukan belanja yang besar. Kebanyakannya tidak mampu. Apabila mereka tersingkir, mereka tidak mendapat hak walau sesen pun dari potongan yang telah dikenakan selama mereka menduduki sesuatu rancangan.

Berbeza dengan pekerja ladang, mereka boleh mengadu kepada Kesatuan Sekerja Ladang, Kebangsaan (NUPUS) Pejabat Buruh dan Pejabat Perhubungan Industri. Mereka boleh mendapat pengadiln dari badan-badan kerajaan berkaitan tanpa sebarang modal. Sekiranya mereka menang mereka boleh mendapat pampasan yang sewajarnya. Jika tidak mereka boleh mengharapkan wang caruman KWSP mereka walaupun

## **'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELABAT'**

terpaksa menunggu sehingga umur bersara.

Setakat ini status peneroka Felda hanya sebagai peneroka semata. Tidak ada undang-undang yang melindungi mereka secara khusus seperti pekerja ladang. Mereka hanya mendapat perlindungan dari undang-undang induk negara ; Perlembagaan Persekutuan.

Tabungannya kecuali sedikit pelaburan dalam Koperasi Peneroka Felda (KPF) sebanyak RM200 yang setakat ini mereka hanya mendengar sahaja dividen yang mereka terima.



*Pekerja Ladang mempunyai Kesatuan Sekerja dan dilindungi di bawah Undang-Undang Buruh. Nasib peneroka lebih buruk daripada pekerja ladang.*

## ***PERANAN BADAN-BADAN FELDA PERLU DIKAJI SEMULA***

FELDA mempunyai berbagai-bagai badan yang ditubuhkan bagi mengawal peneroka sama ada di peringkat rancangan ataupun wilayah. Badan-badan tersebut termasuklah Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR), Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP), Gabungan Perkumpulan Peneroka (GPW), persatuan belia dan sebagainya.

Pada dasarnya badan-badan tersebut diwujudkan bagi membangunkan kehidupan sosial peneroka. Namun realitinya badan-badan tersebut telah menjadi alat Felda dan juga UMNO bagi menjayakan matlamat mereka.

JKKR ditubuhkan pada tahun 1967. Ia lebih merupakan suatu organisasi ciptaan Felda kerana jawatan pengurusinya dipegang oleh pentadbiran Felda. Fungsinya tidak lebih bagi

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '

melindungi kepentingan, penyelewengan dan kelemahan Felda.

Peneroka berpendapat JKKR hanya menjadi agen propaganda Felda dan yang paling ketara berusaha memotong wang dari hasil pendapatan peneroka melalui paysheet pendapatan di Ibu Pejabat Felda, Kuala Lumpur atau paysheet di peringkat rancangan.

Selama ini banyak aktiviti-aktiviti JKKR banyak membelakangkan kuasa Penghulu Mukim. Ini mungkin disebabkan JKKR tidak dikategorikan dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kampung di peringkat mukim atau mesyuarat di peringkat daerah. Ini menyebabkan banyak perkara melibatkan peneroka dengan Felda ataupun kerajaan terpendam begitu saja tanpa tindakan susulan.

Peneroka mahukan agar jawatan pengerusi JKKR dari peringkat rancangan hingga ke peringkat kebangsaan dipegang oleh peneroka sendiri melalui sistem undi raya. Mereka juga mahukan sistem perlantikan oleh Felda yang diamalkan selama ini digantikan dengan sistem undi raya bagi mencerminkan demokrasi.

Kebanyakan peneroka memang tidak berpuashati dengan peranan JKKR yang gagal memberi faedah kebajikan peneroka. Ada yang berpendapat JKKR merupakan 'radio' Felda yang menjadi saluran propagandanya.

Di samping itu JKKR juga dikatakan melakukan

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELABAT '

diskriminasi dan salahguna kuasa. Contohnya di Felda Endau, dalam hal pinjaman membaiki rumah dan juga pembahagian lot-lot tambahan bagi getah hanya orang-orang tertentu yang ada hubungkait dengan JKKR ataupun UMNO sahaja yang dapat. Sedangkan ramai lagi peneroka yang lebih memerlukan tidak mendapat kemudahan tersebut.

Begitu juga dalam hal menentukan soal pembangunan dan jenis tanaman, kadangkala JKKR membuat keputusan sendiri tanpa berunding terlebih dahulu dengan peneroka. JKKR menganggap mereka mempunyai kuasa veto dalam menentukan keputusan.

Lazimnya segala keputusan yang dibuat oleh JKKR lebih kepada menjaga kepentingan Felda dari membela nasib peneroka. Justeru itu di Johor, peneroka telah menubuhkan Persatuan Peneroka Johor. Persatuan tersebut telah didaftar di bawah akta pertubuhan, tapi malangnya ia tidak diiktiraf sebagai persatuan yang sah oleh Felda.

Felda tidak menganggap persatuan tersebut sebagai persatuan yang menjadi suara peneroka. Meskipun begitu satu masa dahulu, persatuan ini begitu aktif memperjuangkan nasib peneroka. Malangnya akhir-akhir ini persatuan tersebut seperti sudah tidak bernyawa lagi kerana beberapa pemimpin utamanya telah berjaya 'dilembutkan' oleh Felda.

Natijah daripada kegagalan peranan JKKR banyak rancangan Felda yang menubuhkan Persatuan Pekebun-



Pekebun Kecil Malaysia. Begitu juga peneroka telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Peneroka bagi mengemukakan permasalahan mereka yang tidak dapat diselesaikan melalui saluran JKRR.

Contohnya di Felda Taib Andak, Kulai, Johor peneroka telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi menuntut hak milik mereka. Peneroka di rancangan tersebut juga telah berkhemah beramai-ramai di ladang mereka bagi memastikan ladang mereka tidak ditebang oleh Felda kerana mereka enggan menandatangani 'Borang Kuning' dan enggan menjadikan Felda sebagai agen tanam semula ladang mereka.

Oleh kerana peneroka tidak mempunyai saluran yang benar-benar berkesan untuk menyampaikan permasalahan mereka, maka PAS di Johor telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Khidmat Peneroka bertujuan bagi membela peneroka yang tertindas.

Setakat ini sambutan terhadap pusat amat menggalakkan. Pusat tersebut telah berjaya menganjurkan dua konvensyen peneroka iaitu di Pengeli Timur dan juga di Air Tawar, Kota Tinggi.

Menurut perancangan awal Felda, JKRR akan dibubarkan apabila peneroka telah selesai menjelaskan hutang dan menerima hak milik. Ia akan digantikan dengan Pertubuhan Peneroka yang akan mengendalikan hal ehwal pengurusan peneroka.

Tetapi apa yang berlaku sekarang, tidak satupun JKKR yang dibubarkan di rancangan-rancangan yang telah selesai bayaran kembali. Bagi peneroka yang menyedari hal ini mereka telah menubuhkan Pertubuhan Peneroka.

Kedegilan Felda membubarkan JKKR di rancangan terbabit telah menyebabkan berlakunya pertindihan kepentingan dalam satu rancangan. Gejala ini menjadikan kedua-dua badan saling berebut pengaruh. Akhirnya kedua-duanya tidak dapat berfungsi sebagaimana yang sepatutnya.

Keengganan Felda membubarkan JKKR adalah disebabkan oleh perebutan jawatan dan kepentingan. Ia merupakan satu lagi bukti Felda telah melanggar perjanjian asal mereka. Lebih malang lagi, peneroka yang menerima akibatnya. Kedua-dua badan mengharapkan potongan dari peneroka untuk mereka menjalankan aktiviti. Dengan ini peneroka yang terpaksa menanggung beban.

Kewujudan JKPP juga tidak ubah sifatnya seperti kewujudan JKKR. Ia menjadi benteng perlindungan pentadbiran Felda terhadap jenayah kolar putih yang mereka lakukan. Contohnya apabila kerajaan mahukan laporan mengenai masalah peneroka, laporannya direka bagi menggambarkan keadaan yang serba sempurna peneroka Felda tanpa mengambilkira permasalahan sebenar peneroka.

Terwujudnya JKPP telah memperluaskan lagi kuasa pentadbiran Felda, bukan sahaja dari segi pengurusan

peneroka, tetapi juga perlindungan penyaluran dan potongan-potongan tabung pembangunan peneroka akan disandarkan kepada projek dalam pengembangan serta perancangan JKPP.

JKPP menambahkan lagi beban peneroka dan menebalkan lagi benteng yang boleh melindungi penyelewengan Felda kerana jawatankuasanya juga dari golongan yang amat setia kepada Felda.

GPW ditubuhkan bagi menggerakkan penerokawati dalam kegiatan kaum wanita seperti kelas jahitan, menganyam, gubahan bunga dan sebagainya. Ia juga menganjurkan kelas-kelas Fardhu 'Ain, Kumpulan Yaasin dan menggerakkan aktiviti kemasyarakatan seperti kenduri- kendara di kalangan penerokawati.

Melalui aktiviti-aktiviti tersebut Felda menyalurkan maklumat semasa berkenaan soal pengurusan ladang dan pentadbiran rancangan kepada kaum wanita. Pembantu Pembangunan Sosial (SDA)-Wanita memainkan peranan yang begitu licik melalui aktiviti sebegini bagi membolehkan penerokawati ini menjadi agen pendesak kepada suami- suami penerokawati yang berkemungkinan menentang dasar-dasar Felda.

Dengan ini GPW telah menjadi agen Felda secara jelas dalam mempengaruhi peneroka mengikut segala dasar-dasar Felda walaupun ia bersifat negatif menerusi isteri-isteri peneroka. Contoh dalam isu 'Borang Kuning' GPW memainkan peranan

yang begitu besar bagi mengendurkan tentangan peneroka yang enggan menandatangani borang tersebut.

Begitu juga GPW telah memainkan peranan KEMAS dan menjadi agen UMNO dalam rancangan. Setiap aktiviti yang dijalankan tidak terlepas dari pengaruh propaganda Felda dan UMNO.

Kesan pengaruh yang dimainkan oleh GPW begitu besar terhadap pemikiran isteri-isteri peneroka. Isteri-isteri peneroka yang telah terpengaruh dengan propaganda GPW sanggup melakukan tindakan-tindakan yang cukup drastik sekiranya saranan si isteri tidak dituruti oleh si suami. Ada kes-kes isteri yang menuntut cerai, balik ke rumah ibu bapa, tidak melayan kemahuan suami dan sebagainya sehingga si suami menuruti kemahuan isteri iaitu mematuhi segala arahan pentadbiran Felda.

GPW yang sepatutnya berperanan sebagai pembangun sosial kaum wanita telah menjadi medan penyaluran desakan Felda dan UMNO. Ini sekaligus membawa satu masalah sosial kepada masyarakat peneroka.

Keadaan ini amatlah dikesalkan kerana badan yang sepatutnya menjadikan masyarakat peneroka lebih dinamik telah berubah menjadi agen yang membawa satu lagi bencana kepada masyarakat peneroka.

Badan- badan tersebut memang sangat diperlukan jika

memberi manfaat kepada peneroka. Jika tidak fungsi badan-badan tersebut perlu dikaji semula peranannya. Peneroka mahukan badan yang mampu menjadi badan yang membela nasib mereka di samping tidak melupakan tanggungjawab mereka terhadap Felda dan kerajaan.

Tindakan Felda menjadikan badan-badan ciptaan sebagai saluran propaganda dan alat untuk memperbodohkan masyarakat peneroka amatlah dikesali. Masyarakat peneroka sepatutnya menjadi masyarakat yang dinamik dan berdaya maju dengan wujudnya badan-badan yang mengawasi mereka bukannya menjadikan mereka seperti lembu cucuk hidung seperti yang berlaku pada hari ini.

Kepincangan mengurus wang dikesan

# 'BEDAH' KOPERASI PENEROKA JOHOR

**KUALA:** Pusat Khidmat Peneroka Negeri Johor yang ditubuhkan oleh Dewan Pemuda PAS Johor sngni dengan perjalanan Koperasi-Koperasi Peneroka Felda Johor Berhad (Kopenda) yang didakwa berlaku kepincangan dan disifatkan tidak berjalan dengan sempurna.

Menurut Pengerusi pusat berkenaan, Saudara Mazlan Aliman, kepincangan tersebut dikesan setelah pihaknya meneliti Laporan Tahunan Kopenda bagi tahun 1988 hingga 1991 yang menunjukkan kerugian terkumpul pada tarikh 31 Disember 1991

seharusnya berlaku kepada Kopenda yang mempunyai saham dari 21 buah Koperasi Rancangan Johor Selatan berjumlah RM216,300.

Sehubungan itu kata Mazlan, Pusat Khidmat Peneroka, mendesak operasi Kopenda diberhentikan serta merta bagi membolehkan kajian menyeluruh dijalankan untuk mencari punca berlakunya kerugian sebanyak itu.

Kata Mazlan alasan Kopenda tidak mempunyai modal yang cukup untuk menjalankan amanah tidak wajar kerana Kopenda

"Sekadar teguran sahaja yang menghantar wakil-wakil sekali-sekala melihat pengurusan Kopenda, belum mencukupi," tegasnya.

Mazlan berkata tindakan tegas pihak yang lebih tinggi amat perlu bagi menyelesaikan masalah yang berlaku kerana wang Kopenda adalah amanah peneroka yang tidak wajar disalahgunakan.

Amat malang, kata beliau dalam era kerajaan mendokong slogan 'Bersih, Cekap, Amanah' masih berlaku penipuan, rasuah dan pecah amanah tanpadikenaan

(039-000) "Mazlan berkata apabila bas yang dimiliki bagi perkhidmatan tersebut terpaksa dijual dengan kadar harga yang rendah apabila projek itu tidak menguntungkan," kata beliau.

Selain itu, Mazlan menjelaskan keuntungan stesen minyak yang diusahakan Kopendanya sekitar RM5,000 hingga RM15,000 setahun, tidak berpadanan untuk menutup kerugian dan pelbagai

Mazlan berkata hasil penelitian laporan tahunan itu, pihaknya mendapati Lembaga Pengarah

*Kegagalan badan-badan Felda mewujudkan masalah di rancangan-rancangan Felda. Peneroka juga mengalami berbagai-bagai kerugian.*

## ***SIAPA TERHUTANG BUDI? PENEROKA ATAU FELDA***

**SERING** kita dengar pemimpin-pemimpin kerajaan menyelar peneroka. Mereka menuduh peneroka sebagai golongan yang tidak tahu mengenang budi, kacang lupakan kulit, menggigit tangan yang menyuap dan sebagainya. Hatta Perdana Menteri, dalam lawatan beliau ke Keratong pada tahun 80-an pernah menyelar peneroka merupakan orang-orang yang tidak tahu mengenag budi.

Tuduhan tersebut pada asasnya adalah kerana terdapat di kalangan peneroka yang menentang UMNO dan menyertai parti pembangkang. Mereka dianggap tidak tahu berterima kasih setelah mendapat nikmat hasil perjuangan UMNO hingga tertubuhnya Felda.

Hati peneroka amat terguris dengan tuduhan sedemikian

rupa. Kalaulah hingga pemimpin nombor satu negara turut mengecam mereka, mereka seolah-olah hilang tempat mengadu.

Peneroka menyedari bahawa kerajaan memberi sumbangan yang besar hingga terwujudnya Felda. Peneroka yang sebelum ini agak susah semasa di kampung asal mereka, telah mendapat pekerjaan yang dikategorikan sebagai tetap setelah menduduki Felda.

Peneroka juga menginsafi bahawa kerajaan telah membuka rancangan- rancangan Felda, menyediakan rumah peneroka, menyediakan ladang dan menjadikan Felda sebagai agen pengurusannya.

Persoalannya, apakah kesemua tersebut diberikan secara percuma oleh kerajaan? Setiap sen perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk membuka rancangan Felda perlu dibayar oleh peneroka melalui potongan tetap yang tidak boleh tertangguh.

Peneroka terpaksa membuat bayaran kembali (BK), bayaran tanam semula, bayaran bekalan baja, kos pembangunan untuk semua kemudahan asas, kos pengurusan, bayaran yuran dan potongan untuk badan-badan di peringkat rancangan, hatta perbelanjaan meraikan menteri yang melawat Felda juga perlu ditanggung oleh peneroka.

Jadi, apakah hujah kukuh kerajaan untuk menuduh mereka



orang-orang yang tidak tahu mengenang budi? Kerajaan sebagai penguasa terhadap tanah negara hanya mengeluarkan modal pendahuluan yang kemudian terpaksa dibayar balik oleh peneroka.

Apa yang dimiliki oleh Felda dan kumpulannya adalah hasil titik peluh peneroka. Melalui keringat peneroka maka tertubuhlah 13 buah perbadanan Felda dan lapan buah syarikat usahasama. Melalui titik peluh peneroka wujudnya jalanraya, mesjid dan segala bentuk kemudahan asas yang terdapat di setiap rancangan Felda.

Hasil usaha peneroka yang berjumlah lebih 119 ribu itulah yang menjadikan ibu pejabat Felda di ibu negara dan pejabat-pejabat wilayah tersergam indah. Segala-gala yang dimiliki oleh Felda dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya adalah hasil dari darah, keringat dan airmata peneroka.

Mungkin tidak wujud sebuah agensi kerajaan di dunia ini, segala bentuk pembangunan dan asetnya diperolehi hasil titik peluh pesertanya dan sumbangannya mereka tidak pernah dihargai, malahan dicemuh dan discranah.

Kerajaan sepatutnya menjadi pihak yang mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan kaum peneroka kerana bukan sahaja berjaya membangunkan sebuah agensi kerajaan yang mampu terbina di atas titik peluh rakyatnya malahan juga mendapat keuntungan yang besar melalui komoditi kelapa

sawit dan getah.

Lelehan keringat penerokalah yang membolehkan lebih 800 ribu hektar hutan belantara menjadi terang-benderang berubah menjadi lautan sumber komoditi yang menjadikan negara sebagai pengeluar komoditi tersebut.

Melalui tangan-tangan penerokalah membolehkan lebih 22 ribu orang rakyat menikmati pekerjaan yang selesa melalui jawatan yang terdapat di Felde, perbadanan dan syarikat-syarikat usahasama. Sekaligus mengurangkan kadar pengangguran kepada rakyat.

Keringat peneroka sentiasa mencurah, keuntungan yang dicapai oleh Felde begitu melimpah, malang peneroka tidak dapat menikmatinya. Ini terbukti setiap kali paysheet diterima, ramai peneroka yang hiba dengan baki yang mereka terima. Adakalanya RM1.00 malah ada yang tertunggak.

Felde tetap membuat potongan yang ditetapkan, tanpa pernah mengambilkira keperluan semasa seorang peneroka. Potongan adalah wajib, soal baki yang diterima oleh peneroka adalah masalah peneroka sendiri.

Timbul pula, masalah apabila peneroka sudah selesai menjelaskan hutang piutang. Felde begitu lembap menyelesaikan soal hak milik. Apabila surat hak milik hendak diserahkan, peneroka dipaksa untuk menandatangani pula

## 'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELARAT'

'Borang Kuning' yang bakal mengikat peneroka sekali lagi.

Bila tiba masa untuk menanam semula, sekali lagi Felda memaksa peneroka menjadikan sebagai agen pengurusan sedangkan ia tidak timbul menurut perjanjian asal.

Sudahlah kerajaan sentiasa mencemuh mereka, hak milik mereka pula sering dijadikan bahan ugutan. Akta GSA 1960 yang menjadi sandaran kepada kewujudan Felda menjadikan peneroka terus terikat. Peneroka tertipu, tertindas dan teraniaya. Harapan mereka hancur berkecai bersama kerakusan pemerintah.

Jadi atas alasan apakah kerajaan terus menuduh peneroka tidak tahu mengenang budi. Jika sokongan terhadap kerajaan dijadikan asas, untuk apa kerajaan mendakwa negara ini negara demokrasi. Hak berpolitik adalah hak rakyat. Mereka boleh berfikir. Mereka tahu membezakan yang hitam dan yang putih.

Kerajaan dan pak menteri perlu menyedari hakikat bahawa mereka banyak terhutang budi kepada peneroka. Peneroka telah membalas budi kerajaan dengan keringat mereka. Kerajaan wajar menyerahkan hak mereka tanpa sebarang dolak-dalik.

Budi peneroka kepada terlalu banyak. Budi kerajaan tidak sebanyak mana, tetapi canangannya menggegar dunia.

Kumpulan dakwa boleh selesai masalah

# Masyarakat FELDA diingat jangan terpengaruh

JEMPUL 7 Julai - Masyarakat FELDA di negeri ini diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan dakwah kosong kumpulan-kumpulan luar yang kononnya mendakwa boleh menyelesaikan masalah mereka.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Dato' Haji Mohd. Isa Abdul Samad yang membuat ingatan ini berkata, tiada pihak atau kumpulan-kumpulan yang bergelar "juara masyarakat peneroka" boleh menyelesaikan masalah peneroka kecuali melalui kerajaan.

"Hanya kerajaan sahaja yang mampu menyelesaikan masalah peneroka kerana selama ini FELDA diwujudkan bagi membantu rakyat miskin di negara ini," katanya semasa berucap di Majlis Perasmian Hari Peneroka Peringkat Kebangsaan di Pusat Bandar Gemenang FELDA Seremban di sini hari ini.

kerajaan dan tidak menerusi kumpulan luar yang boleh menambatkan masalah.

Sehubungan dengan itu, Tan Sri Dato' Haji Mohd. Isa berharap masyarakat peneroka akan sentiasa bersatu dengan menyokong setiap rancangan yang dijalankan oleh kerajaan dalam menjadikan negara ini sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Di majlis itu, Haji Jelani Kasmon, 46, dari FELDA Soeharto, Johor telah diumumkan sebagai Peneroka Terbaik dan Puan Minah Abdul Rahman dari FELDA Kahang Timur, Johor sebagai Penerokawati Terbaik.

Bagi kategori Peneroka Ladang Terbaik dimenangi oleh Enck

Safri @ Sukhi Man dan FELDA Negeri Sembilan.

Kewujudan Pusat Khidmat Peneroka, Dewan Pemuda PAS Johor, mungkin inilah yang dimaksud oleh Menteri Besar Negeri Sembilan.

## ***GENERASI KE DUA PENEROKA FELDA DIABAIKAN***

BERDASARKAN jumlah peneroka seramai lebih 119,080 orang, kini terdapat lebih 860,000 anak-anak peneroka di seluruh dengan anggaran purata seramai 7 orang bagi sebuah keluarga.

Hasil kajian yang dibuat hanya 5% daripada jumlah tersebut yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke institut pengajian tinggi. Selebihnya merupakan golongan yang terpaksa bekerja kilang atau membuat usaha sendiri dan lebih malang lagi menjadi penganggur.

Sebenarnya anak-anak peneroka bukanlah golongan yang malas berusaha atau pemilih kerja. Tetapi kesempatan yang diberikan kepada mereka terlalu sedikit. Untuk mereka meneruskan usaha di ladang warisan orang tua mereka dirasakan tidak seimbang dengan tenaga yang mereka curahkan.

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '

Secara kasar pendapatan peneroka dari hasil ladangnya sekitar RM 350 sebulan. Jadi, dengan pendapatan sebesar itu adalah tidak praktikal bagi peneroka dan seluruh ahli keluarga mengusahakan ladang bersama. Cukuplah ibu bapa mereka yang mengusahakan ladang tersebut. Sejauh ini usaha Felda untuk memberikan peluang anak-anak peneroka mendapat latihan secara formal seperti latihan vokasional, keusahawanan dan sebagainya hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga.

Pada peringkat awalnya Felda memang telah menubuhkan lima buah Pusat Latihan Vokasional Felda (PLVF) bertujuan memberikan latihan dan kemahiran kepada anak-anak peneroka dalam pelbagai bidang.

Pusat latihan tersebut adalah:

- a) Pusat Latihan Trolak;
- b) Pusat Latihan Sungai Tekam;
- c) Pusat Latihan Pasir Besar;
- d) Pusat Latihan Bukit Mendi;
- e) Sekolah Latihan Bukit Besar.

Sejak tahun 1982 hingga 1988 ke lima-lima PLVF telah melatih 8,337 anak-anak peneroka. Pada tahun 1989 sejumlah 1,039 orang dapat dilatih oleh pusat-pusat tersebut. Jumlah tersebut adalah tidak memadai dengan jumlah anak-anak peneroka yang melebihi 800,000 orang.

Berdasarkan perangkaan tersebut Felda dilihat menjadikan aktiviti-aktiviti tersebut sekadar memenuhi penubuhan PLVF.

Namun yang lebih malang lagi pusat-pusat tersebut telahpun ditutup dengan alasan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membiayai pusat-pusat tersebut.

Pusat-pusat tersebut kini telah digantikan Pusat Giat MARA yang dikendalikan oleh MARA. Situasi ini telah menutup peluang 100 peratus anak-anak peneroka untuk mendapat latihan sebagaimana yang selama ini mereka nikmati. Kini anak-anak peneroka terpaksa bersaing dengan belia dan beliawanis luar rancangan untuk mendapat tempat di pusat-pusat tersebut.

Sehubungan itu peluang anak-anak peneroka untuk mendapat kemahiran semakin sempit. Felda semakin mengabaikan kebajikan dan masa depan mereka.

Felda juga telah menubuhkan Asrama Semai Bakti bagi memberi kemudahan kepada anak-anak peneroka yang bersekolah di bandar-bandar jauh dari tanah rancangan mereka.

Dewasa ini terdapat empat buah asrama Felda iaitu:

- a) Asrama Semai Bakti Kelana Jaya;
- b) Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur;
- c) Asrama Semai Bakti Kuantan;
- d) Asrama Semai Bakti Johor Bahru

Ke empat-empat asrama tersebut tidak dapat menampung jumlah anak-anak peneroka yang berjaya melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah yang terletak di bandar-bandar utama itu.

## ' FELDA KORBORAT, PENEROKA MELARAT '

Ditambah lagi dengan kemasukan juga bagi anak-anak kakitangan Felda.

Ramai anak-anak peneroka yang tidak berpeluang tinggal di asrama- asrama tersebut. Malangnya setiap peneroka dikenakan potongan 60 sen bagi setiap kelapa sawit mereka bagi mengisi tabung pembangunan peneroka. Potongan tersebut didakwa digunakan untuk pengurusan asrama-asrama tersebut.

Tetapi yang menghairankan anak-anak peneroka yang berpeluang tinggal di asrama-asrama tersebut masih dikenakan bayaran sebanyak RM30.00 sebulan. Apa ertinya tabung pembangunan peneroka sekiranya bayaran tetap dikenakan. Ke mana tabungan tersebut dibelanjakan?

Mengikut rekod Felda sehingga Jun 1987 terdapat seramai 34,442 orang generasi kedua yang menganggotai persatuan-persatuan belia rancangan. Terdapat 216 Persatuan Belia di rancangan dan pecahannya adalah seperti berikut:

Meskipun jumlah Persatuan Belia agak membanggakan

Gabungan	Jumlah Persatuan
Belia 4B	101
Belia MAYC	48
Belia GPB	67
Jumlah	216



## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELABAT '

namun kewujudan persatuan tersebut tidak mendapat perhatian wajar dari Felda malah dijadikan wadah kongkongan mereka. Persatuan belia sentiasa di dalam kawalan Felda dan tidak ada ruang bagi mereka untuk memperluaskan pengalaman organisasi mereka. Lebih malang lagi kebanyakan persatuan belia hanya ada pada nama sahaja.

Kalau adapun aktiviti yang dirancang, hanyalah yang dapat memenuhi kehendak pengurusan Felda. Lebih-lebih lagi menjadi alat propaganda Felda. Oleh sebab itu tidak hairanlah secara kasarnya belia dan beliawanis di Felda agak terkebelakang dari sudut keluasan berfikir, pengalaman dan perhubungan jika dibandingkan dengan belia di luar rancangan.

Sumber kewangan mereka pula hanya bergantung kepada sumbangan peneroka hasil potongan 20 sen dari setiap individu peneroka. Jadi cuba bayangkan apa yang dapat mereka buat dengan sumber kewangan yang sebanyak itu.

Anak-anak peneroka kurang diberikan peranan penting dalam Felda, Perbadanan dan anak-anak syarikatnya. Sehingga 1987 hanya 5381 orang anak peneroka yang berpeluang menjawat dalam organisasi yang berakar umbi dengan keluarga mereka. Daripada jumlah tersebut hanya 44 orang sahaja dalam kategori 'A' dan selebihnya merupakan kakitangan gred 'B' hingga ke buruh bergaji hari.

Pecahan anak-anak peneroka yang berkhidmat dengan Kumpulan Felda adalah seperti berikut:-

**' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '**

BIL	KUMPULAN FELDA	KATEGORI					
		A	B	C	D	GAJI HARI	JUMLAH
1	Felda	26	74	1124	768	-	1992
2	Perbadanan Niaga	6	13	211	443	-	673
3	Perbadanan Kilang	10	13	165	288	1444	1920
4	Perbadanan Angkut	2	-	19	61	49	131
5	Perbadanan Isi Sawit	-	-	8	14	16	38
6	Perbadanan Binaan	-	-	5	26	-	31
7	Perbadanan Pemasaran	-	-	-	4	-	4
8	Perbadanan Khid. Komputer	-	-	-	4	-	4
9	Perbadanan Getah	-	4	20	19	494	537
10	Felda Oil Products Sdn Bhd	-	-	23	6	3	32
11	FPM Sdn Bhd	-	-	9	5	-	14
12	M,sia Cocoa Mfg Sdn Bhd	-	-	-	3	-	3
13	M,sia Int . Corp Sdn Bhd	-	-	-	2	-	2

Peranan yang diberikan kepada anak-anak peneroka tidaklah sebanding dengan jumlah keseluruhan kakitangan Kumpulan yang berjumlah lebih 20 ribu orang. Kebanyakannya hanya diberikan peranan dalam tugas-tugas perkeranian dan penyeliaan dan juga buruh.

Sedikitnya bilangan anak-anak peneroka yang menjawat jawatan yang boleh menentukan dasar Felda menyebabkan banyak berlaku penyelewengan terhadap syarikat-syarikat Felda dan akhirnya merugikan dan juga membebankan peneroka sendiri.

Anak-anak peneroka wajar diberikan peluang menentukan dasar dalam syarikat-syarikat dalam Kumpulan Felda agar pelaksanaannya akan memberikan manfaat dan menepati aspirasi kedua orang tua mereka untuk mendapat sedikit kesenangan melalui penyertaan dalam rancangan-rancangan Felda.

Felda memang nyata mengabaikan kebajikan anak-anak peneroka. Tenaga muda mereka terbiar tanpa pengurusan yang wajar dan sistematik. Sedangkan mereka adalah suatu aset yang amat berharga kepada pembangunan Felda sendiri sekiranya mereka diurus secara bijaksana.

Malangnya tenaga mereka telah diambil manfaat oleh pihak-pihak lain. Kilang-kilang di luar rancangan telah memaksimumkan penggunaan tenaga mereka. Pengaliran sumber manusia ke luar rancangan merupakan suatu kerugian terhadap Felda sendiri.

Pengabaian Felda terhadap golongan muda telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial yang serius di rancangan-rancangan Felda. Masalah dadah paling ketara. Felda menjadi agensi kerajaan yang terbesar terlibat dengan dadah. Masalah-masalah sosial lain seperti khalwat, pecah rumat, mencuri dan merompak juga berlaku di Felda.

Siapa yang harus bertanggungjawab terhadap nasib yang menimpa masyarakat Felda ini. Kerajaan perlu bertanggungjawab, Felda sudah barang tentu dan peneroka juga perlu memberikan perhatian. Pengurusan yang menjadikan mereka begitu dan persekitaran yang mendorongnya.

# 90 peratus anak muda hijrah ke KL

Oleh Kamal Ahmad dan Rohana Man

**HULU SELANGOR.** Lebih 90 peratus golongan muda di FELDA Soeharto, dekat sini dikatakan sudah berhijrah ke Kuala Lumpur atau bekarya di kilang, terutama kilang elektronik di Petaling Jaya, Bangi dan Shah Alam, sejak beberapa tahun lalu.

Menurut ketua peneroka, Ahmad Khalil, 55, sebahagian besar generasi kedua di tanah rancangan itu berhijrah disebabkan tenaga kerja yang tinggal hanya kira-kira 20 peratus iaitu kebanyakan peneroka asal yang sudah uzur manakala 70 peratus kerja dibekalkan oleh pekerja dari luar kawasan serta pekerja asing.

Katanya, sebab utama generasi kedua meninggalkan tanah rancangan itu ialah kerana kerja melik dan mengangkut kelapa gawit sangat berat walaupun hasil serta bayaran upahnya boleh dianggap lumayan.

Kamal meneroka di sini



**AHMAD KHALIL**  
— tinggal golongan tua



terkait dengan kerja menanam semua kelapa sawit. Mereka diberi Pujawan Sara Hidup \$240 sebulan selama 20 bulan. Pujawan itu akan dibayar semua dalam tempoh 10 tahun, selepas itu dengan faedah enam peratus.



*Ketiadaan jaminan hidup di FELDA memaksa anak-anak peneroka berhijrah. Mereka juga terdedah kepada gejala-gejala sosial kerana FELDA Kurang memberi perhatian kepada mereka.*

## ***MASALAH-MASALAH SOSIAL DI RANCANGAN- RANCANGAN FELDA***

**MASALAH-MASALAH** sosial yang berlaku di luar rancangan juga berlaku di Felda, malah ada keadaannya yang lebih buruk lagi. Masalah- masalah yang timbul itu banyak berhubungkait dengan dasar Felda itu sendiri di samping faktor-faktor luaran.

Kesempitan hidup yang sentiasa membelenggu pencroka banyak menjadi faktor penyebab ke arah masalah sosial. Dengan pendapatan purata RM 350 sebulan daripada hasil ladang memaksa seluruh ahli keluarga dewasa keluar untuk mencari rezeki.

Aliran ini telah menyebabkan mereka terdedah dengan berbagai-bagai pengaruh liar. Ini menambahkan lagi kegawatan terhadap masalah sosial yang sedia ada di rancangan-rancangan.

## ' FELDA KORPORAT, PENEROKA MELARAT '

Masalah sosial yang paling ketara adalah penyalahgunaan dadah. Felda kini menjadi agensi kerajaan yang terbesar terlibat dengan penagihan dadah. Ini diakui sendiri oleh Naib Pengerusi PEMADAM Malaysia, En Lee Lam Thye dalam wawancara yang dibuat melalui Malaysia Hari Ini (MHI) di TV3. Ramai di kalangan anak-anak peneroka terbabit dengan dadah. Ada juga kes peneroka itu sendiri terlibat dengan dadah.

Ketiadaan aktiviti yang dapat membina sahsiah dan kemahiran anak-anak peneroka secara tersusun telah menyebabkan anasir kurang sihat meresap dan mempengaruhi kehidupan anak-anak peneroka. Masa mereka banyak terluang dan menimbulkan kebosanan. Ini membuka ruang seluas-luasnya untuk mereka terbabit dengan dadah. Di tambah dengan mengalir pengaruh luaran yang di bawa oleh anak-anak peneroka yang bekerja di luar rancangan.

Gejala penagihan dadah ini menyebabkan masalah-masalah lain timbul di tanah-tanah rancangan. Kes-kes kecurian, pecah rumah dan rompakan juga turut berlaku.

Kes-kes khalwat, zina, bersekudukan dan berlaku sumbang juga berlaku melibatkan peneroka dan anak-anak peneroka. Anak-anak peneroka yang bekerja di kilang-kilang ramai yang terbabit dengan kes-kes seperti ini.

Kesempitan hidup peneroka telah menyemarakkan keterlibatan peneroka dengan perjudian. Ramai yang kaki ekor, sedut duit dan lain-lain aktiviti yang mempunyai unsur-

unsur khurafat bagi mendapatkan wang secara mudah. Malah ada di kalangan peneroka sendiri yang menjadi agen menjual nombor ekor di rancangan. Ada di antaranya yang menggunakan komputer yang dihubungkan terus dengan pusat perjudian. Kehidupan yang mendesak menyebabkan ramai yang sentiasa mencuba dengan menikam ekor untuk cuba mengubah kehidupan mereka.

Penganjur-penganjur Skim Cepat Kaya juga sering menjadikan peneroka Felda sebagai sasaran mereka sebagaimana tersiar di akhbar tidak lama dulu.

Komuniti kependudukan Felda juga mempengaruhi ke arah berkembangnya pengaruh-pengaruh negatif di kalangan peneroka dan anak-anak mereka. Rumah-rumah mereka terletak berhampiran dan perhubungan yang mudah menyebabkan unsur kurang sihat cepat merebak.

Ramai di kalangan peneroka yang tidak berkesempatan bermesra dengan anak-anak mereka. Biasanya si bapa akan bekerja di ladang, si ibu bekerja di kilang dan anak-anak mereka bekerja juga di kilang-kilang.

Mereka hanya dapat bertemu pada waktu malam. Malah kadangkala mereka tidak dapat bertemu langsung kerana berkerja berlainan syif. Malam yang begitu singkat tidak dapat mewujudkan kemesraan di kalangan ahli-ahli keluarga. Ditambah dengan kepenatan bekerja di siang hari menyebabkan mereka tidur awal. Ini menyebabkan ikatan kekeluargaan kian longgar.

Tidak menghairankan, hubungan kekeluargaan yang semakin longgar telah menyebabkan bersemaraknya masalah-masalah sosial di kalangan masyarakat FELDA.

Hubungan sesama ahli-ahli masyarakat peneroka juga agak longgar kerana kesibukan masing-masing mencari penghasilan hidup. Walaupun wujudnya sistem blok, namun masih tidak mampu mengekang masalah sosial secara berkesan.

Di tambah dengan sikap suka berpuak-puak, ada yang suka membodek FELDA, ada yang membenci dan sebagainya telah menyebabkan perkara sumbang yang berlaku kurang diambil berat selagi tidak terkena batang hidung sendiri.

FELDA sendiri tidak mempunyai program yang membentuk keperibadian peneroka dan anak-anak mereka. Aktiviti JKKR dan badan-badan lainnya tidak lebih sebagainya medan penyampaian propaganda FELDA semata-mata.

FELDA hanya memikirkan produktiviti dari peneroka tanpa mengambil usaha-usaha positif membentuk sahsiah peneroka. Persoalan agama kurang diberikan perhatian. Ini dapat dilihat dengan ketiadaan pegawai-pegawai agama di kebanyakan rancangan.

Mereka hanya tahu mengambil tindakan disiplin terhadap peneroka yang melakukan kesalahan tanpa menjalankan usaha memperbaiki kehidupan dan mempertingkatkan kefahaman peneroka terhadap agama.



Gerakan belia di rancangan-rancangan hampir ke semuanya telah mati kerana ketiadaan susunan pentadbiran yang cekap serta sumber kewangan yang mencukupi. Para belia lebih berminat membuat kerja- kerja yang boleh menambahkan pendapatan mereka daripada terbabit dengan gerakan belia yang kurang menguntungkan. Apa lagi dengan ketiadaan perhatian daripada Felda menyebabkan mereka tawar hati untuk aktif dalam gerakan belia. )

Hanya mereka yang mempunyai kepentingan politik seperti pemuda UMNO sahaja yang minat terbabit dengan belia. Itupun bermusim terutamanya menjelang pemilihan ataupun pilihanraya sahaja agar mereka dapat menggunakan belia-belia Felda untuk mereka meraih undi dan pengaruh.

Bagi Felda, yang benar dan betul hanyalah Felda, arahan Felda mesti dipatuhi. Yang salah adalah peneroka dan yang degil juga peneroka.

Masalah sosial yang wujud di Felda sebahagian besarnya berpunca daripada dasar Felda itu sendiri. Jawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat (Agama) atau Ustaz Felda kebanyakannya tidak ada dan kekosongan tidak diisi dengan alasan Felda tidak mempunyai peruntukan. Kemanakah keuntungan yang diraih oleh Felda setiap tahun? Mengapa tidak diperuntukan untuk kebajikan peneroka sendiri?

Kehidupan yang mengecewakan ditambah dengan ketiadaan bimbingan telah mempercepatkan lagi proses

keruntuhan moral mereka Felda telah menyebabkan peneroka tertindas dan kecewa. Ledakan daripada jiwa yang tertindas dan kecewa, pastinya membawa berbagai-bagai bentuk kehancuran.

# Isteri peneroka FELDA kini kerja di kilang <sup>UM</sup> 7/6/94

KULAI 6 Jun — Kemerosotan pendapatan peneroka-peneroka FELDA sejak kebelakangan ini telah mendorong golongan isteri peneroka mencari pendapatan tambahan bagi meringankan beban keluarga dengan bekerja di kilang-kilang perindustrian.

Yang Dipertua Persatuan Peneroka FELDA Negeri Johor (PPFNJ), Rasi-man Radi berkata, isteri-isteri peneroka itu terpaksa bekerja kerana pendapatan suami mereka sebagai peneroka tidak dapat menampung keperluan keluarga seharian.

Katanya, pendapatan para isteri yang bekerja di kilang-kilang telah dapat

meringankan beban yang ditanggung oleh sesetengah peneroka terutama dalam soal perbelanjaan persekolahan anak-anak.

"Golongan isteri peneroka sebelum ini tidak pernah bekerja di kawasan atau kilang perindustrian tetapi terpaksa berbuat demikian kerana tidak mahu keluarganya hidup dalam kesempitan," katanya di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, selain perbelanjaan harian, para peneroka juga berhadapan dengan pelbagai masalah lain yang semuanya perlu diselesaikan dengan wang.

Utusan difahamkan, para peneroka itu sekarang

pendapatan kira-kira RM200 setiap bulan hasil upah kerja di ladang.

Rasiman berkata, pendapatan itu tidak setimpal dengan kerja-kerja yang dibuat oleh para peneroka dan perlu dinaikkan lagi sekurang-kurangnya RM350 sebulan.

"Apa yang membimbangkan, walaupun para isteri sudah bekerja, timbul pula masalah lain terutamanya bila kerja terpaksa dilakukan mengikut syif di kilang masing-masing," ujarnya.

Beliau berkata, akibatnya, anak-anak peneroka yang masih kecil tidak mendapat penjagaan yang

*Kesempitan hidup memaksa isteri-isteri peneroka bekerja. Akibatnya perhatian terhadap anak terabai dan anak-anaklah menjadi mangsa*

## ***DASAR FELDA YANG TIDAK ISLAMIK DAN DEMOKRATIK***

**LEBIH 95%** peneroka beragama Islam, Felda ditadbir oleh pegawai- pegawai beragama Islam dan agama resmi negara juga Islam. Tetapi amat malang, Felda mempraktikkan banyak kaedah-kaedah yang tidak menepati kaedah syarak. Berbagai-bagai kezaliman dan penindasan berlaku secara jelas dan berleluasa.

Sistem pendapatan sama rata merupakan sistem yang dicontohi dari fahaman komunis. Pengamalan sistem ini bertentangan dengan Islam. Sistem yang diamalkan ini membuka ruang kepada penoroka yang malas berusaha untuk mengambil kesempatan 'mencuri tulang'. Menurut Islam, sesiapa yang lebih berusaha wajar mendapat pulangan yang lebih.

Kaedah sistem ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan peneroka. Mereka berpendapat, kaedah ini menyenangkan segelintir peneroka dan membebaskan segelintir peneroka. Ini memberikan peluang kepada peneroka yang malas untuk mereka terus malas kerana pendapatan mereka diberikan sama rata.

Felda patut menghapuskan sistem ini bagi menegakkan konsep berdikari di kalangan peneroka. Penghapusan sistem ini juga dapat membasmi budaya subsidi. Pendapatan mengikut hasil pengeluaran individu peneroka lebih praktikal tanpa menimbulkan sebarang rasa sakit hati sesama peneroka. Siapa yang berusaha lebih mereka akan mendapat pulangan yang lebih.

Peneroka juga dibabitkan dengan riba' secara langsung oleh Felda. Segala hutang piutang peneroka iaitu hutang pembangunan ladang, hutang harga pembangunan kawasan kampung dan hutang persendirian dikenakan faedah sebanyak 6.25 peratus yang bertentangan syariat Islam.

Faedah yang dikenakan menambahkan lagi bebanan kepada kepada. Felda memperkenalkan dua jenis faedah kepada iaitu faedah annuiti dan juga faedah kompaun (Keterangan lanjut boleh dilihat dalam babJT BK). Kaedah ini menyebabkan jumlah hutang peneroka meningkat. Felda wajar memperkenalkan kaedah yang lebih Islamik bagi membebaskan mereka dari belenggu penindasan dan yang lebih utama menghindarkan kemurkaan Allah SWT.

Dalam soal pewarisan ladang, penama hanya boleh diberikan kepada seorang sahaja sama ada isteri atau salah seorang anak peneroka. Ini telah menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan anak-anak peneroka. Felda wajar mengubah dasar ini agar sejajar dengan sistem pewarisan Islam.

Penyingkiran peneroka yang terbabit dengan kegiatan jenayah dan telah menerima hukuman dari undang-undang adalah sesuatu yang bertentangan dengan roh Islam. Peneroka terbabit terpaksa menghadapi dua hukuman. Setelah menerima hukuman dari undang- undang negara, peneroka akan menghadapi sekali lagi hukuman iaitu dari Felda.

Ini merupakan suatu kezaliman yang amat nyata. Mana wujud undang- undang lain di dunia yang mengakibatkan pesalah menerima dua kali hukuman di atas kesalahan yang sama. Peneroka Felda merupakan satu-satu golongan di dunia moden ini yang terpaksa menerima dua hukuman daripada kesalahan yang sama.

Pelaksanaan peraturan ini telah menyebabkan berlakunya perceraian paksa di kalangan peneroka Felda. Peneroka terbabit terpaksa bercerai bagi mengelakkan tanah yang mereka usahakan selama ini terlepas begitu saja.

Felda perlu mencari alternatif bagi mengatasi peraturan yang zalim dan sukar untuk diterima dalam zaman yang penuh bertamadun ini. Felda tidak harus menambahkan lagi kesengsaraan peneroka.

## ' FELDA KORBORAT, PENEROKA MELABAT '

Dalam soal pemilihan ahli jawatankuasa badan-badan di peringkat rancangan atau wilayah ataupun ketua-ketua blok wujud juga soal pilih kasih dan unsur-unsur yang tidak demokratik.

Pemilihan tidak diteraskan kepada keilmuan dan kewibawaan seseorang, sebaliknya kesetiaan kepada Felda dijadikan kriteria utama. Dengan ini wujud pemimpin yang tidak berwibawa dan tidak dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sempurna.

Ada juga berlaku peneroka yang telah mendapat undian terbanyak bagi jawatan Ketua Blok telah diketepikan begitu sahaja oleh pengurusan kerana sebab-sebab yang tidak diperjelaskan.

Contohnya seperti yang berlaku di Felda Pengeli Timur, En Abd Rahman Abd Hamid telah tidak terpilih sebagai Ketua Blok meskipun mendapat undi majoriti dalam pemilihan. Adalah dipercayai, tindakan Felda tersebut ekoran penglibatan peneroka berkenaan dengan parti pembangkang PAS.

Sebenarnya terlalu banyak tindakan Felda yang melanggar lunas-lunas peradaban manusia moden masakini. Dunia berada di ambang kebangkitan Islam. Kalau kerajaan sanggup menubuhkan Skim Pinjaman Tanpa faedah (SPTF) yang mempraktikkan sistem ekonomi Islam, mengapa Felda tidak mencari alternatif Islam bagi memperbaiki sistem pengurusan dan memberi keadilan kepada peneroka.

**“Riba’ itu ada 72 pintu, yang paling kecil dosanya ialah seperti melakukan hubungan jenis dengan ibu sendiri dan sebesar-sebesar riba’ ialah seorang itu menghakis nama baik saudaranya”**

**Hadis Riwayat At-Tabrani**



# Pemilikan tanah peneroka perlu dikaji

B/H 3/5/94

Oleh Zulkofli Jamaludin

MUAR, Isnin — Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi perlu mengkaji semula cara dan kaedah pemilikan tanah milik peneroka yang meninggal dunia kerana corak pemilikan sekarang tidak mengikut kaedah Islam.

Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil (PKPKM), Datuk Ahmad Arshad, berkata pada masa ini hak milik tanah peneroka yang meninggal dunia diserahkan kepada salah seorang peneroka terbabit.

Katanya, cara itu tidak mengikut hukum faraid yang ditetapkan Islam, iaitu tanah pusaka diagihkan kepada semua waris mengikut jumlah yang ditetapkan.

"Di samping mengkaji pengurusan Fel-da, kementerian juga perlu mengkaji cara dan kaedah penyerahan tanah kepada waris peneroka yang meninggal.

"Sistem agihan sekarang menyebabkan banyak generasi kedua kurang berminat tinggal di tanah rancangan kerana



AHMAD ARSHAD  
... hukum faraid

nya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini mengenai cadangan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengkaji semula pengurusan Fel-da untuk menyesuaikan dengan cabaran masa depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Khalid Yunus, ber-

bukan 38 tahun lalu.

Kajian itu dijangka siap dalam tempoh dua bulan dan hasilnya akan dikemukakan kepada kerajaan untuk ditimbang dan diluluskan.

Ahmad berkata, cara penyerahan hak milik tanah rancangan Fel-da membabitkan 150,000 keluarga.

"Banyak generasi kedua enggan tinggal di Fel-da kerana tidak mendapat jaminan mereka boleh mewarisi harta peninggalan waris masing-masing.

"Cara pemberian peratus hasil setiap bulan kepada ahli keluarga boleh menarik minat anak peneroka untuk terus tinggal di tanah rancangan," katanya.

Menurutnya, Fel-da perlu memperuntukkan satu kawasan di tanah rancangan sebagai tapak industri untuk menggalakkan usahawan membuka kilang di kawasan berkenaan.

Katanya, di samping mewujudkan peluang pekerjaan, usaha itu juga boleh menarik minat kira-kira 150,000 anak peneroka di seluruh negara un-

*fel-da perlu menggunakan kaedah Islam dalam soal pengagihan hak milik.*

## **FELDA: BENTENG UMNO YANG KIAN LUNTUR**

UMNO merupakan tonggak yang menerajui pemerintahan negara. Parti kebangsaan Melayu itu mempunyai pengaruh yang amat besar dalam menentukan halatuju jabatan-jabatan kerajaan dan agensinya. Memang menjadi kelaziman, kerajaan akan menggunakan agensi-agensinya sebagai salah satu alat untuk mereka mengekalkan kuasa pemerintahan. Justeru itu kewujudan Feda juga tidak terlepas daripada bayangan pengaruh UMNO.

Tindakan menggumpulkan peneroka dalam suatu rancangan juga mempunyai motif yang tersendiri dari sudut politiknya. Umumnya rakyat sudah tahu bahawa salah satu pra syarat untuk diterima menjadi peneroka Felda adalah mesti menjadi ahli UMNO. Permohonan mereka akan menjadi lebih kukuh sekiranya dilampirkan bersama surat sokongan daripada wakil rakyat UMNO.

Amalan ini sudah berlaku terlalu lama dan berterusan sehingga hari ini. Dewasa ini dapat disaksikan bahawa cengkaman UMNO dalam rancangan-rancangan Felda begitu ketara. Ahli JKJR mestilah UMNO, ketua blok majoritinya UMNO, ketua belia juga UMNO dan segala bentuk jawatan yang berhubungkait tidak dapat dipisahkan dari UMNO.

● Pada dasarnya Felda tidak menggalakkan peneroka terlibat dengan parti-parti politik dalam rancangan Felda, tetapi oleh kerana berlaku perkembangan parti pembangkang terutamanya PAS dalam rancangan telah memaksa Felda melonggarkan peraturan tersebut. Hanya dengan tertubuhnya cawangan UMNO yang dapat membendung perkembangan PAS.

Mulai tahun 1981 secara rasminya kerajaan Barisan Nasional (BN) melalui UMNO memulakan cengkaman politik dalam rancangan Felda. Pada tahun tersebut Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah pada waktu itu telah melantik ketua-ketua UMNO tempatan sebagai ahli jawatankuasa JKJR. Matlamat utamanya adalah bagi membendung PAS dari bertapak di rancangan Felda.

Oleh kerana pada waktu itu peneroka tidak mempunyai saluran formal bagi mengemukakan masalah mereka, mereka telah menggunakan UMNO sebagai saluran menyatakan bantahan mereka.

Kebanyakan ketua UMNO terpaksa menyebelahi peneroka bagi membuktikan kesetian mereka kepada perjuangan parti.

Contohnya pada tahun 1975, UMNO Felda Lasah 2, di Perak telah membantah kepada Fellmill ekoran harga kelapa sawit yang begitu murah. Peneroka mengambil keputusan akan terus menjual hasil mereka kepada pembeli swasta selagi Fellmill masih menawarkan harga yang tidak berpatutan.

Aliran yang dibawakan oleh UMNO telah menjadi satu ancaman kepada Felda. UMNO telah memjejaskan kuasa Felda dan muncul sebagai suatu cabaran kepada Felda meskipun Felda merupakan salah satu projek yang dikendalikan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN). Pengurusan Felda terpaksa mengajukan permasalahan ini kepada pucuk pimpinan UMNO dan menyebabkan beberapa polisi halus telah dikeluarkan bagi mengekang bantahan melalui UMNO ini.

Felda terpaksa mempraktikkan pendekatan baru. Ketua-ketua UMNO tempatan yang memegang jawatan penting mereka berikan imbuhan. Imbuhan adalah dalam bentuk tender-tender kecil, ruang kedai dan apa saja peluang yang mendatangkan sumber kewangan kepada mereka.

Felda agak berjaya menerusi kaedah ini. Kelantangan suara ketua-ketua UMNO tempatan mengemukakan masalah peneroka kian luntur kerana 'poket mereka telah terisi'. Rintihan peneroka tidak sampai kepada pihak atasan. Fenomena ini telah menyebabkan peneroka terpaksa mencari saluran alternatif. Mereka terus membantah sama ada secara bersendiriaan atau kolektif melalui persendirian ataupun saluran politik

pembangkok.

Contohnya pada tahun 1970-an, peneroka di Felda Lembah Bilut telah menyokong Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) sekarang Parti Rakyat Malaysia (PRM) bagi menentang pengurusan Felda.

Era 80-an menunjukkan bahawa peneroka mulai memilih PAS sebagai wadah bantahan mereka. Pengaruh UMNO kian merosot di Felda. Tragedi 1987 yang memecahkan UMNO memberikankan kesan yang besar kepada UMNO di rancangan-rancangan Felda.

Berikutan pengharaman UMNO pada tahun 1987, maka lahirlah Parti Melayu Semangat 46 yang menjadi suatu wadah siasah baru kepada peneroka yang kecewa dengan UMNO Baru dan tidak mahu menyertai PAS. Wujudnya gagasan Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) menjelang pilihanraya umum 1990 telah memantapkan lagi gagasan parti pembangkang di rancangan-rancangan Felda.

Kewujudan kedua-dua parti pembangkang PAS dan Semangat 46 di rancangan Felda menjadi semakin popular dan menarik bilangan yang tidak sedikit peneroka. Kalau dulu peneroka tidak berani menyokong secara terang-terangan, kini keadaannya sudah berubah. Peneroka berani menyatakan dengan penuh tegas bahawa mereka adalah ahli atau sekurang-kurangnya penyokong salah satu parti tersebut.

Fenomena ini amat merisaukan pihak pengurusan. Dominannya parti pembangkang di rancangan menyebabkan peneroka semakin berani mengemukakan masalah yang mereka hadapi secara lantang menerusi saluran politik pembangkang.

Pihak pengurusan Felda cuba juga untuk mengugut atau menekan peneroka yang menyokong parti pembangkang. Ada yang dikenakan tindakan disiplin atau dilucutkan jawatan dalam JKKR atau Ketua Blok. Namun tindakan tersebut tidak mampu mengekang peluasan pengaruh parti pembangkang.

Tindakan tidak demokratik pengurusan Felda dalam banyak hal telah menyemarakkan lagi sokongan peneroka kepada pembangkang. Sokongan semakin meningkat. Tambahan lagi PAS telah mengambil inisiatif menubuhkan lujnah yang khusus menangani masalah peneroka menerusi Lujnah Peneroka, Petani dan Nelayan. Di Johor contohnya, PAS telah menubuhkan Pusat Khidmat Peneroka bagi menangani masalah peneroka Felda.

Dewasa ini dapat kita saksikan beberapa buah rancangan Felda di seluruh negara telah didominasi oleh PAS dan Semangat 46 seperti di Keratong dan Jengka, Pahang sebagai contoh. Pengaruh UMNO kian menurun dan semakin tidak popular di mata peneroka.

Aliran ini amat membimbangkan UMNO dan kerajaan.

## 'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELARAT'

Kerajaan cuba untuk memulihkan pengaruh UMNO di rancangan-rancangan dengan berbagai kenyataan dari pemimpin UMNO dan kerajaan. Malangnya ramai peneroka sudah muak dengan janji-janji mereka. Mereka sedar kenyataan mereka hanyalah sekadar janji kosong yang jauh dari pelaksanaannya sebagaimana yang mereka telah lalui selama ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM) En Ghafar Baba merupakan pemimpin kerajaan yang paling ditonjolkan bagi menangani permasalahan peneroka. Beliau telah membentangkan Laporan Petugas Khas Felda yang mengkaji masalah peneroka. Beliau menjanjikan bahawa beberapa potongan akan dimansuhkan dan berbagai-bagai janji lagi.

Namun usaha bekas TPM itu juga kurang berhasil untuk memulihkan kepercayaan peneroka terhadap kerajaan dan Felda. Bagi peneroka itu semua hanya janji kosong yang setakat manis di bibir saja.

Terdapat 18 buah kerusi Parlimen dan lebih 30 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara yang undi penentunya terdiri daripada kaum peneroka. Kaum peneroka boleh menentukan penguasaan kerajaan BN terhadap kerusi berkenaan. Apakah peneroka masih termakan dengan janji-janji kosong kerajaan semasa pilihanraya? Apakah peneroka masih tidak serik dengan kesengsaraan yang mereka alami selama ini? Sama-sama kita tunggu jawapannya dalam pilihanraya umum nanti.

# Peneroka perlu berani buat perubahan

**KUALA TERENGGANU:** Pengerusi Badan Peneroka Kebangsaan, Saudara Abdul Malek Yusof menggaru kepada peneroka supaya jangan takut mendapatkan hak dan jangan takut untuk membuat perubahan.

Katanya, jika peneroka bersikap takut untuk membuat perubahan maka sampai bilapun nanti mereka tidak akan mendapat pembelaan bukannya semakin teruk dilanda dengan masalah hutang.

"Felda ini bertujuan untuk melahirkan masyarakat petani yang aman dan makmur tetapi sejak kebelakangan ini peneroka Felda tidak diberi perhatian bahkan semakin tertindas dan miskin," ujarnya.

ketika menyampaikan ceramah di Felda Briera, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata hasrat untuk melahirkan petani

yang bertamadun, beristem dengan memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah hanyalah impian sahaja sebaliknya mereka dikenakan dengan pelbagai peraturan yang tidak menampakkkan kebaikan kepada peneroka Felda itu sendiri.

Apa yang menghairankan, katanya para peneroka tidak menunjukkan keberanian untuk mengundi pembangkang agar nasib mereka bertambah baik.

"Untuk mengubah nasib peneroka, mereka perlu mengubah sikap dan perasaan takut diketepikan kerana inilah yang menimbulkan masalah kepada peneroka untuk mencapai kemajuan hidup," ujarnya.

Beliau menjelaskan, memang pada peringkat awal dahulu, rakyat menjadi peneroka Felda

kerana menyahut seruan kerajaan.

Apatah lagi, tambahnya era Tun Razak menjadi Perdana Menteri dahulu berlainan dengan Perdana Menteri yang ada sekarang di mana pemimpin dahulu benar-benar mahu membela bangsa Melayu tetapi sekarang sebaliknya yang berlaku.

Para peneroka, katanya perlu memikirkan setelah melibatkan diri begitu lama di tanah rancangan hingga sekarang, siapakah yang kaya-raya sama ada mereka sendiri atau pihak Felda yang menyaut keuntungan.

Beliau juga mengingatkan peneroka supaya bangkit membuat perubahan kerana jika dibiarkan diri diperlakukan oleh pemerintah sampai bilapun mereka tidak akan mendapat khabagiaan hidup yang sebenarnya. (MAI)

# Felda tidak boleh singkir peneroka kerana politik

**KUALA TERENGGANU:** Pihak Felda tidak boleh menyingkirkan peneroka dengan alasan membelitkan diri dalam politik sama ada menyokong kerajaan mahupun pembangkang, kata Ketua Pergerakan PAS Pahang, Saudara Abdul Malek Yusof.

Beliau berkata, peneroka boleh disingkirkan kerana jorjor, tinggal di rancangan tanpa kebajikan, pendidikan, berkhidmat, mengajir agama salah, tidak mengerjakan ladang dan lain-lain lagi tetapi itu melibatkan diri dalam politik tidak menjadi masalah.

Tan daripada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak yang bertanggungjawab, ia boleh dicabar di mahkamah dan perkara ini perlu difahami

Pengerusi Bertindak Peneroka Kebangsaan menambah golongan penuntut adalah pewartis puseka di rancangan dan perlu berperanan untuk menangani masalah dengan baik tanpa rasa takut.

Ia kerana, katanya, peneroka semakin ditindas walaupun setiap pelab yang dicuba adalah untuk negara tetapi nasib peneroka tetap tidak berubah kerana tiada pembelaan.

"Peneroka Felda sewajarnya kena tanya, berapa banyak lagi hutang yang terpaksa ditanggungnya, kalau mereka (kerajaan) tidak berbuat juga, sila jawab dengan vudi," ujarnya.

Beliau berkata, peneroka perlu sedar dan jangan sanggup diperlakukan pada

mereka tidak juga berubah.

Beliau juga menyeru peneroka supaya jangan takut dan bimbang untuk menuntut hak sendiri kerana kaum Penan di Sarawak sanggup datang ke Kuala Lumpur untuk menuntut hak mereka.

"Kalau peneroka tidak sanggup melakukan perubahan politik, sampai bilapun tanah mereka akan diruskan oleh Felda sekalipun hutang piutang sudah selesai dibayar.

"Kalau peraturan Felda ini tidak diubah, tanah dan hak milik ini tetap milik Felda sampai bila-bilapun. Oleh itu, berlab sokongan kepada pembangkang untuk mengubah dasar dan peraturan Felda ini demi untuk keadilan dan kebaikan rakyat yang mengahui di



Abdul Malek Yusof... (caption text)

dekat sini baru-baru ini.

Menurutnya, jika para peneroka terus merasa takut dengan ugutan, selamanjandah penindasan akan berlaku ke atas mereka.

Seterusnya beliau menyeru peneroka memahami peraturan Felda supaya tidak terus diperlakukan buat selama-lamanya kerana mereka ada hak untuk membuat

Peneroka perlu berani membuat perubahan politik untuk mengubah nasib mereka



## ***IMPIAN DAN HARAPAN PENEROKA***

**SEBAGAIMANA** manusia biasa yang dikurniakan akal, peneroka mempunyai hasrat dan cita-cita seperti warganegara lain bukan peneroka. Mereka inginkan kebebasan sama ada dari segi hutang mahupun tindakan. Mereka ingin hidup aman damai tanpa terbelenggu oleh sebarang rasa kurang enak terutamanya dengan Felda dan kerajaan.

Selama ini kehidupan mereka dikawal sepenuhnya oleh Felda. Setiap langkah mereka diperhatikan, setiap langkah perlu restu dari pengurusan Felda. Kongkongan yang keterlaluan telah mencetuskan berbagai-bagai insiden yang mencemarkan nama baik Felda sendiri.

Peneroka yang kebanyakannya sudah tua, sudah tidak

larat lagi untuk bertegang urat dengan Felda. Mereka mahukan dalam usia sebegini segala permasalahan mereka dengan Felda selesai. Hutang telah mereka jelaskan, logiknya Felda tidak perlu lagi menyusahkan kehidupan peneroka.

Kehidupan yang serba pahit sebagai peneroka selama ini mengajar mereka. Mereka tidak mampu menghalang generasi mereka untuk melangkah pergi ke luar rancangan. Generasi mereka melihat sendiri orang tua mereka melayari kepahitan hidup.

Sisa-sisa kehidupan yang mereka miliki kini, mereka ingin hidup aman damai. Mereka tidak mahu lagi mendengar berita peneroka bergaduh dengan kakitangan Felda. Mereka tidak mahu lagi mendengar cerita peneroka disingkirkan tanpa sebab yang munasabah atau anak-anak peneroka kebuluran kerana kredit PNF ditahan.

Mereka tidak mahu lagi mendengar cerita sengsara peneroka menyelinap lagi di cuping telinga mereka. Mereka mahu hak mereka dan sedikit ketenangan menjelang akhir hayat mereka.

Sandaran mereka adalah kerajaan yang memegang dasar Felda. Mereka mengharapkan kerajaan membuat suatu penilaian semula terhadap dasar-dasar Felda yang kebanyakannya jauh menyimpang atau penggubalan baru yang memesongkan lagi perjalanan ke arah matlamat sebenar Felda.

## ' FELDA KOBPOBAT, PENEBOKA MELARAT '

Hampir 120,000 peneroka mempunyai hasrat dan harapan yang sama. Mereka mahu impian mereka ketika meninggalkan kampung halaman dahulu menjadi kenyataan. Mereka mendapat tanah hasil usaha mereka.

Mereka mahukan segala bentuk akta dan apa jua perundangan yang membatasi hak mereka terhadap tanah yang telah dijelaskan hutangnya digubal dan dipinda agar sejajar dengan nilai kemanusiaan dan keadilan.

Mereka mahukan Akta GSA 1960 yang digubal lebih 30 tahun itu dipinda agar lebih membuka peluang keadilan kepada masyarakat peneroka. Kerajaan perlu berbincang dengan wakil-wakil peneroka dan pengamal undang-undang supaya pindaan dibuat ke atas akta yang menidakkan rakyat selama ini.

Mereka juga tidak mahu dipaksa menandatangani Borang Kuning yang sangat tidak wajar memandangkan peneroka telah menjelaskan hutang- piutang. Perjanjian tersebut akan hanya menguntungkan Felda. Menandatangani perjanjian tersebut bermakna menyerahkan hak milik peneroka kepada Felda. Mereka sekali lagi akan terikat dengan belunggu hutang. Felda perlu melihat kembali perjanjian awal yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Kerajaan perlu memberi peluang kepada peneroka untuk menentukan masa depan tanah mereka sendiri. Mereka ingin berdikari, mereka ingin merasai nikmat mengerjakan tanah mereka sendiri tanpa sebarang campur tangan pihak lain.

Jangan dipaksa menjadikan Felda sebagai agen tanam semula tanah mereka.

Segala potongan tanam semula janganlah disekat bagi peneroka yang ingin mengerjakan sendiri kerja-kerja tanam semula. Mengapa tabungan tersebut di sekat-sekat sedangkan ia adalah hak peneroka. Selama ini ini Felda telah menikmati hasil tabungan tersebut melalui simpanan tetap yang dibuat oleh Felda. Faedahnya diambil oleh Felda, peneroka tidak merasa walau sesen pun.

Peneroka mahukan Felda memberikan sedikit keuntungan yang diperolehi oleh 13 buah perbadanan dan lapan syarikat-syarikat usahasama saban tahun. Apa salahnya mereka menuntut sedikit hak mereka. Tanpa peneroka, tidak akan wujud perbadanan dan syarikat tersebut.

Mereka juga ingin melihat Felda mengurangkan kakitangannya bagi rancangan yang selesai menyelesaikan hutang piutang. Tinggalkan kakitangan sebagaimana kuota yang telah digariskan selama ini.

Mengekalkan kakitangan yang tidak berkenaan bermakna akan terus membebankan Felda dengan kos pentadbiran yang tinggi. Bukan mereka bencikan kakitangan yang selama ini 'menyiksa' mereka, sekadar menuntut janji awal Felda.

Felda juga diseru agar menyegerakan penyerahan hak milik individu kepada peneroka bukannya diserahkan

## ' FELDA KORPOBAT, PENEROKA MELARAT '

hak milik mereka kepada koperasi. Mereka mahu menjadi milik sah ke atas tanah yang mereka usahakan selama ini.

Kerajaan negeri pula jangan menganiaya peneroka dengan melambat- lambatkan pemberian geran hak milik mereka. Mereka telah berhempas pulas selama lebih 20 tahun dan sumbangan mereka membangunkan negara melalui sektor pertanian tidak boleh dinafikan.

Setelah memerah keringat sekian lama, peneroka amat berharap kerajaan dan Felda khususnya menilai hasil dan kerja mereka selama ini. Adakah impian dan harapan mereka akan tercapai? Jawapannya ada pada kerajaan. Yang pasti peneroka akan terus berjuang menuntut hak keringat mereka hingga ke akhir hayat mereka.

# 'FELDA KORPORAT, PENEROKA MELABAT'

Kepada Para **Peneroka FELDA** Yang Beriman Lagi Budiman.

Assalamualaikum wrt. wbt.

Insya Allah, kalau diberi kepercayaan oleh rakyat jelata Malaysia, kami berjanji memperkenalkan perubahan dasar kerajaan

demikian demi menjamin keadilan, kebebasan serta kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia untuk menggantikan dasar BN kini, yang menindas rakyat jelata dan menggadaikan masa hadapan negara demi memperkayakan segelintir kecil yang kaya raya.

Potongan yang dikenakan oleh pihak FELDA terhadap para peneroka terlalu membebankan dan tidak adil kerana peneroka FELDA terpaksa membayar untuk kemudahan infrastruktur yang disediakan percuma ataupun dengan harga yang kurang kepada orang lain.

Bayaran \$100 sebulan ialah untuk mengenang sumbangan mereka yang pernah berjasa untuk membangunkan ekonomi negara dan juga untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan di bumi Malaysia yang kaya dengan kurniaan

Sebenarnya, terdapat banyak dasar serta langkah baru yang kami ingin memperkenalkan demi kesejahteraan rakyat. Diharap

anda akan membaca Manifesto Pilihanraya kami, yang sudah tentu tidak akan diberi liputan yang adil oleh TV, radio atau surat-khabar utama.

Kami berharap anda akan membincangkannya dengan keluarga serta rakan karib anda. Inilah peluang anda untuk menjamin masa hadapan yang lebih baik.

Pastikan dasar yang lebih adil dan saksama.

**UNDILAH  
CALON KAMI**

Wassalam

"...Demi keadilan, kami berikrar mengurangkan bayaran hutang peneroka FELDA dan rancangan tenat. Kami akan memotong jumlah yang dikenakan sekurang-kurangnya 50% kerana tidak adil selagi ini. Kami akan memberi kepada peneroka secepat mungkin. Struktur FELDA sendiri akan diubahsuai supaya lebih mampan dan dinikmati oleh peneroka sendiri, dan bukan oleh pihak berkepentingan lain."


Peruntukan pembangunan perumahan juga akan dinaikkan. Kami akan membina rumah-rumah yang sederhana dan murah untuk golongan berpendapatan rendah dan petron kecil-kecilan.

Janji Manifesto Pilihanraya

"...Kami akan membina masyarakat yang lebih prihatin, bukan masyarakat yang tamak. Kami mengambungkan berat keadilan kepada semua rakyat, terutama sekali mereka yang lemah dan kurang bernasib baik, termasuk: wanita, kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan orang cacat. Misalnya, tayaran 'Kenang Jua' sebanyak \$100 rebul akan diberi kepada mereka yang berumur 65 tahun ke atas..."

Janji Manifesto Pilihanraya

Yang Berhormat,



(Tengku Razaleigh Hamzah)

Presiden, Semangat 46

dan bagi pihak parti politik yang menentang Barisan Nasional

**Memo kepada peneroka dalam pilihanraya 1990, tapi tidak mendapat sambutan. Samy Velu dan Ling Liong Sik terus menang di kawasan Felda. Mereka senang lenang. Peneroka merana.**

## 'FELDA KORPORAT ,PENEROKA MELARAT'

### SUMBER MINDA

---

1. Al-Quranul Kariim
2. Hadis
3. Dato Hassan Ibrahim - Hasil Laporan Pegawai Turus Felda.
4. Maklumat Asas Felda, Ibu Pejabat Felda, Kuala Lumpur.
5. Halim Salleh, Kajian Malaysia, VII, No 1&2 Jun/Dis 1989, USM Pulau Pinang.
6. Sulong Muhamad, Petempatan Felda : Perspektif Perancangan Bandar & Desa, DBP, Kuala Lumpur 1985
7. Hj Suhaimi Said, Saya Seorang Peneroka, Temerloh, 1984.
8. Hj Suhaimi Said, Masalah Peneroka Felda, Temerloh, 1984.
9. Dato Rais Yatim, Dasar-Dasar dan Matlamat Felda, Kertas Kerja.
10. Dato Hishmudin Yahya, Ke Arah Memahami Surat-Surat Perjanjian, Kertas Kerja.
11. Hj Abd Malek Yusof, Bekas Juru Odit Wilayah Jengka.
12. Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
13. Asiaweek, Hong Kong.
14. Berita Harian, Kumpulan Straits Times, Kuala Lumpur.
15. The New Straits Times, Kumpulan Straits Times, Kuala Lumpur.
16. Utusan Malaysia, Utusan Melayu (M) Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
17. Harian Metro, Kumpulan Straits Times, Kuala Lumpur.
18. Akhbar WATAN, Kumpulan Karangraf, Kuala Lumpur.
19. Akhbar HAKAKAH, Jabatan Penerangan PAS Pusat, Kuala Lumpur.
20. Utusan Pengguna, Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
21. Media Malaysia, Urusetia Penerangan Parti Semangat 46 Malaysia.
22. Majalah Peneroka, Perbadanan Niaga Felda, Kuala Lumpur.
23. Persatuan Peneroka Negeri Johor, Risalah.
24. Majalah Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Kuala Lumpur.

***Untuk Perhatian  
Peneroka Felda***

Sekiranya anda mempunyai  
masalah berhubung  
dengan Felda,  
Sila Hubungi:

**PUSAT KHIDMAT PENEROKA,  
Dewan Pemuda PAS Johor,  
No. 85-C, Jalan Rahmat,  
83000 Batu Pahat,  
Johor Darul Ta'zim.**

**Tel / Fax: 07-4316650**



**Menyusul  
selepas Buku Ini..**

***PENYELESAIAN  
TERHADAP  
MASALAH  
PENEROKA***

**Tunggu Kelahirannya**

Buku ini dipersembahkan kepada  
keluarga saya anak saya  
Ibu Nerida, Nasrudin,

Ruang Alam  
**MASA**  
UNTUK PERUBAHAN

Tunggu kasih sayang dan  
sahabatmu merdeka, saya  
tidak dapat menikul beban  
yang berat ini

oleh  
**MARINA YUSOFF**

243217

1 8 NOV 1980

Perpustakaan Negara  
Malaysia